

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBAL BERSAMA  
ENCIK NAIM BIN MARJANI,  
PENGGIAT DAN PEMBUAT KUDA KEPANG  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PENGGIAT  
SENI WARISAN KUDA KEPANG**

**DIANA AIN ARISSA AZIZAN**

**(2020963407)**

**NOR HUSNA NADIAH BINTI CHE HASIN**

**(2020964691)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER MARCH 2021 – JULAI 2021**

## ISI KANDUNGAN

	<b>Isi Kandungan</b>	<b>M/S</b>
	ABSTRAK	i-ii
	PENGHARGAAN	iii
	SENARAI ABREVIASI	iv
	SENARAI SINGKATAN	v
	RUJUKAN KATA	vi-x
1.0	BIODATA PENEMUBUAL	1
	1.1 Penemubual Pertama	2
	1.2 Penemubual Kedua	3
2.0	BIODATA TOKOH	4
	2.1 Biodata Tokoh	5
	2.2 Pengenalan Kepada Tokoh	6
3.0	SEJARAH LISAN	7
	3.1 Pengenalan	8-9
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	10
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	10
4.0	KAJIAN LITERATUR	11
	4.1 Warisan Seni	12-15
	4.2 Kuda Kepang	15-18
5.0	TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH	19
	5.1 Sesi Pertama	19-60
	5.2 Sesi Kedua	61-104
6.0	LOG TEMUBUAL	105
	6.1 Sesi Pertama	106-125
	6.2 Sesi Kedua	126-137
7.0	RALAT	138-139
8.0	GLOSARI	140-143
9.0	INDEKS	144-149
10.0	BIBLIOGRAFI	150-152

11.0	LAMPIRAN	153
	11.1 Biografi Tokoh	154
	11.2 Surat Perjanjian	155
	11.3 Senarai Soalan	156-162
	11.4 Diari Penyelidikan	163-169
	11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	170-175

## ABSTRAK

*Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan salah seorang daripada penggiat dalam seni warisan kuda kepang yang paling berpengalaman iaitu Encik Naim bin Marjani atau boleh juga dikenali sebagai Wak Naim. Selain menyentuh sedikit mengenai latar belakang tokoh warisan seni kuda kepang yang hebat ini, projek sejarah lisan ini turut mencuba untuk mengungkap segala persoalan dan kebenaran yang sebenar disebalik isu dalam warisan seni kuda kepang ini. Bermula dari sejarah mengenai Encik Naim bin Marjani mengenai seni warisan kuda kepang, kajian ini turut melakukan kajian terperinci mengenai persembahan kuda kepang, pembuatan kuda kepang, kewujudan kuda kepang dan banyak lagi daripada keunikkan seni warisan kuda kepang ini. Kajian yang dijalankan ini bukan sahaja diperolehi daripada Encik Naim bin Marjani sahaja, malahan turut diperolehi daripada pelbagai sumber lain yang memberi kenyataan dan info mengenai seni warisan kuda kepang ini. Implikasi kajian ini adalah terutamanya kepada pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini juga diharapkan masyarakat luar terutamanya pada generasi muda pada masa kini dapat mengenali dengan lebih lanjut dan mendalami seni warisan kuda kepang ini.*

**Kata Kunci:** *Kuda Kepang, Seni Warisan, Tarian, Naim Bin Marjani, Kesenian*

## **ABSTRACT**

*This transcript discusses the experience of a figure who is one of the most experienced activists in the art of kuda kepong heritage, namely Encik Naim bin Marjani or can also be known as Wak Naim. In addition to touching a little on the background of this great figure of kuda kepong art heritage, this oral history project also tries to reveal all the questions and real truths behind the issues in this kuda kepong art heritage. Starting from the history of Encik Naim bin Marjani on the art of kuda kepong heritage, this study also conducts a detailed study on kuda kepong performance, kuda kepong making, the existence of kuda kepong and many more from the uniqueness of this kuda kepong heritage art. This study was not only obtained from Encik Naim bin Marjani only, but also obtained from various other sources that provide statements and information about the art of horse heritage. The implications of this study are mainly for researchers, students and the general public. Through this oral history project, it is hoped that the outside community, especially the younger generation today can get to know more and deepen the art of the heritage of this kuda kepong.*

**Keyword:** *Kuda Kepang heritage, performance, art, oral history, Naim Bin Marjani*

## **PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat dan keizinan dari-Nya, maka kami berdua dapat menyiapkan tugas transkrip temubual bersama tokoh Encik Naim Bin Marjani yang bertajuk seni warisan kuda kepang untuk subjek IMR 604 dengan jayanya. Inshaallah, tugas kerja kursus ini akan memberikan banyak manfaat kepada kami dari segi pengetahuan dan pengalaman semasa membuat kajian dan di masa hadapan. Kami berdua ingin mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah kami iaitu Puan Noorsiah Binti Jamaludin kerana tidak jemu-jemu memberi bimbingan, dorongan, dan tunjuk ajar serta cara – cara membuat tugas ini mengikut kriteria yang ditetapkan. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa kami yang turut membantu untuk memberi sokongan kepada kami dalam menyiapkan tugas ini. Tanpa sokongan mereka mungkin kami tidak dapat menyiapkan tugas yang diberikan. Tidak lupa juga buat rakan-rakan sekelas yang turut berkongsi serta membantu kami dalam memberikan pendapat atau pandangan serta berkongsi idea dalam menyiapkan tugas ini.

## SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
RTM	Radio Televisyen Malaysia
KLCC	Kuala Lumpur City Center
SWT	Subhanahuwataala
UiTM	Universiti Teknologi Mara
VIP	Very Important Person
YB	Yang Berbahagia

## **SENARAI SINGKATAN**

DAA: Diana Ain Arissa Azizan

NHN: Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin

NBM: Naim Bin Marjani



## RUJUKAN KATA

Abeh	Habis
Ade	Ada
Aje	Sahaja
Ajor	Mengajar
Antare	Antara
Ape	Apa
Ape-ape	Apa-apa
Apekah	Apakah
Ambik	Ambil
Anto	Hantar
Anu	Di
Atok	Atuk / Datuk
Bapak	Bapa
Bapak-bapak	Bapak- bapak
Bagian	Bahagian
Baguih	Bagus
Bawak	Bawa
Belajor	Belajar
Berape	Berapa
Berapekah	Berapakah
Bergambor	Bergambar
Betah	Tahan
Betine	Betina
Betui-betui	Betul-betul
Besok	Esok
Besor	Besar
Biase	Biasa
Bile	Bila / Apabila
Blakang	Belakang

Brape	Berapa
Brasal	Berasal
Bunyi	Bunyi
Cerite	Cerita
Cume	Cuma
Covid	Covid-19
Dah	Sudah
Dah tu	Sesudah itu
Dek	Buat tak tahu
Diorang	Mereka semua
Dok	Sedang
Duitnye	Duitnya
Dulu	Dahulu
Ea	Ya
Eh	Ya
Engko	Engkau
Je	Sahaja
Jelaa	Saja laa / Sahaja laa
Jugak	Juga
Juge	Juga
Haa	Ya
Haah	Ya
Haritu	Hari itu
Kan	Akan
Kat	Dekat
Kau	Engkau
Kasi	Bagi
Kate	Kata
Kecik	Kecil
Kecik-kecik	Kecil-kecil

Kepale	Kepala
Kesah	Kisah
Kete	Kereta
Kire	Kira
Kite	Kita
Kluarga	Keluarga
Kluor	Keluar
Kolumpor	Kuala Lumpur
Korang	Kamu semua
Korprat	Korporat
Kude	Kuda
Mane	Mana
Manggil	Panggil
Mase	Masa
Masa tu	Masa itu
Mintak	Minta
Membawak	Membawa
Mencemeh	Menghina
Mendokong	Mendukung
Mentos	Mitos
Menjage	Menjaga
Metos	Mitos
Nak	Mahu
Nak	Hendak
Nangkap	Tangkap
Ni	Ini
Nilah	Ini lah
Nengok	Tengok
Ngadu	Mengadu
Ngajar	Mengajar

Ngenakan	Mengenakan
Nomor	Nombor
Ntah	Entah
Pak	Encik
Pastulah	Lepas itu lah
Pegi	Pergi
Pompson	Perempuan
Pulak	Pula
Rupenya	Rupanya
Saja	Sahaja
Saje	Sahaja
Sape	Siapa
Sape-sape	Siapa-siapa
Sapi	Lembu
Satu	Suatu
Skalnya	Sekalnya
Skarang	Sekarang
Skolah	Sekolah
Slalu	Selalu
Sorang	Seorang
Sronok	Seronok
Stakat	Setakat
Suke	Suka
Syok Sendiri	Perasan
Tangge	Tangga
Tak	Tidak
Takde	Tidak ada /Tiada
Takleh	Tidak Boleh
Tapi	Tetapi
Tau	Tahu

Tine	Betina
Tlah	Telah
Tu	Itu
Tuh	Itu
Tulah	Itulah
Tukor	Tukar
Tv	Televisyen
Ugama	Agama
Ugama-ugama	Agama-Agama
Ye	Ya
Yela tu	Betul la itu

**BIODATA**  
**PENEMUBUAL**

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 Penemubual Pertama



<b>NAMA</b>	Diana Ain Arissa Azizan
<b>TARIKH LAHIR</b>	10 Jun 1998
<b>TEMPAT LAHIR</b>	Hospital Fatimah, Ipoh, Perak
<b>ALAMAT</b>	No 31, Dataran Pengkalan Barat 6, 31650, Taman Temara, Ipoh, Perak
<b>NO TELEFON</b>	018-5774190
<b>EMEL</b>	<a href="mailto:dianaainarissa27@gmail.com">dianaainarissa27@gmail.com</a>
<b>PROGRAM</b>	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246)

## 1.2 Penemubual Kedua



<b>NAMA</b>	Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin
<b>TARIKH LAHIR</b>	16 November 1999
<b>TEMPAT LAHIR</b>	Pusat Kesihatan Kecil Wakaf Bharu, Kelantan
<b>ALAMAT</b>	174, Kampung Baru Pasir Pekan 16250 Wakaf Bharu, Kelantan
<b>NO TELEFON</b>	017-9890010
<b>EMEL</b>	<a href="mailto:husnanadiah16@gmail.com">husnanadiah16@gmail.com</a>
<b>PROGRAM</b>	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246)



# **BIODATA TOKOH**

## 2.0 BIODATA TOKOH

### 2.1 Biodata Tokoh



Naim Bin Marjani merupakan seorang penggiat seni dalam warisan kuda kepong. Beliau dilahirkan serta dibesarkan di Kampung Sungai Nibong, Semerah, Batu Pahat Johor pada 12 November 1941. Kini beliau telah berusia 80 tahun. Beliau merupakan anak yang ke-9 daripada sebelas adik-beradik. Beliau mula mendirikan rumah tangga bersama isteri beliau yang bernama Puan Sidah Binti Abdul pada 6 Jun 1996. Hasil perkahwinan tersebut, beliau dan isteri dikurniakan anak seramai tujuh orang dan kesemuanya adalah perempuan. Kesemua anak kepada pasangan ni telah mendirikan rumah tangga dan kini beliau mempunyai dua enam orang cucu dan dua orang cicit. Beliau mula mendapatkan pelajaran di Sekolah Melayu Sungai Nibong. Beliau hanya melanjutkan pelajaran sehingga darjah enam sahaja. Mula menceburi bidang kuda kepong ini ketika berusia 18 tahun. Hanya sekadar menjadi pengiku sahaja pada awalnya, lama kelamaan mula menubuhkan persatuan sendiri dimana bukan sahaja hanya menubuhkan kumpulan kuda kepong malahan juga beliau membuka bengkel pembuatan seni kuda kepong.

## 2.2 PENGENALAN TOKOH

Encik Naim atau nama sebenar tokoh tersebut adalah Naim bin Marjani atau boleh juga dikenali dengan nama panggilan Wak Naim. Beliau merupakan seorang penggiat dan pembuat seni warisan kuda kepong yang terkenal di daerah Batu Pahat, Johor. Beliau merupakan pengarah dan juga ketua di dalam Persatuan Kuda Kepang Sinar Warisan Sungai Nibong, Batu Pahat yang ditubuhkan pada tahun 1959. Wak Naim telah bergiat dalam kegiatan seni warisan kuda kepong ini sejak beliau berumur 18 tahun lagi. Disebabkan permintaan terhadap kuda kepong pada masa itu sangat tinggi, maka Wak Naim secara terus menjadi seorang pembuat kuda kepong. Kini, beliau telah mencapai usia 80-an dan telah dikurniakan 7 orang anak perempuan daripada hasil perkahwinannya dengan Puan Sidah Binti Abdul. Berbekalkan hasil kuda kepongnya, beliau dapat menampung perbelanjaan keluarga, membina rumah, membeli tanah, membuka bengkel sehinggalah mengupah pekerja.

Wak Naim sangat mementingkan kekemasan dan kesempurnaan dalam penghasilan kuda kepongnya. Menurut Wak Naim, kekemasan dan kesempurnaan sesuatu kraftangan itu menunjukkan nilai yang tinggi terhadap martabat seni orang Melayu. Berkat semangat yang tinggi dan tidak kenal erti putus asa, hasrat Wak Naim untuk menajadikan seni kuda kepongnya dikenali ramai dan membuah hasil yang sangat baik. Setelah hampir 53 tahun bergiat dalam seni warisan kuda kepong ini, beliau berjaya menempa nama di seluruh negeri dan telah banyak diberikan penganugerahan dan pengiktirafan daripada pelbagai pihak. Antara penganugerahan yang pernah dimiliki oleh Wak Naim ialah, beliau pernah dinobatkan sebagai “Tokoh Seni Warisan Budaya” pada tahun 2007 dan dianugerahkan sebagai “Tokoh Warisan Johor” pada tahun 2008. Selain itu, kegiatan dan pembuatan kuda kepong Wak Naim ini juga mendapat perhatian oleh pihak media untuk dijadikan sebagai inspirasi dalam seni warisan dan contoh akhbar yang menyiarkan mengenai Wak Naim adalah Harian Metro, News Straits Time dan Utusan Malaysia.

# **SEJARAH LISAN**

### 3.0 SEJARAH LISAN

#### 3.1 Pengenalan

Persembahan kuda kepang ialah seni persembahan Melayu yang tergolong dalam seni tari yang melibatkan pemuzik, ketua penari, dan penari dan seni warisan kuda kepang amat popular dipersembahkan di Jawa, Indonesia dan Johor, Malaysia (Sedunia, 2020). Namun, kesenian kuda kepang ini akan hilang bersama pembangunan arus pemodenan jika kita tidak mengambil langkah pemuliharaan ke atasnya dan kesenian ini perlu diwariskan daripada satu generasi kepada satu generasi agar ia tidak luput dan dilupakakan. (Ngadiran, 2021) Justeru itu, kertas kerja ini amatlah penting bagi memastikan seni warisan kuda kepang dapat dijadikan sebagai suatu sejarah lisan yang dapat membantu memelihara seni warisan daripada ambang kepupusan serta kehilangan khazanah yang bernilai pada sesebuah negara.

Oleh yang demikian, tujuan bagi menjalankan kajian terhadap seni warisan kuda kepang ini adalah disebabkan keunikan yang terkandung dalam seni warisannya yang mempunyai nilai estetika yang tinggi. Kajian ini juga dilakukan bagi mengetahui dengan lebih jelas lagi mengenai kuda kepang daripada pelbagai sudut seperti tarian dan pembuatan kuda kepang itu sendiri di samping memperolehi ilmu pengetahuan tentang kuda kepang ini. Namun begitu, seni warisan kuda kepang pada masa kini sangat tidak mendapat sambutan kerana tiada generasi muda yang mempunyai minat terhadap meneruskan legasi kuda kepang ini. Disebabkan kurangnya anak muda yang ingin mewarisi seni warisan kuda kepang ini, amatlah digeruni jika seni warisan kuda kepang ini disisihkan dan hilang martabatnya.

Justeru itu, kajian ini sangat penting untuk kegunaan masa hadapan yang dapat dijadikan sebagai sejarah lisan yang akan memberi manfaat kepada golongan generasi moden pada masa kini. Mengikut penjelasan dari (Roudhah et al., 2012) sejarah lisan adalah satu kaedah yang penting dalam merakam peristiwa lampau yang pernah ditempuhi oleh seseorang. Melalui sejarah lisan, rekod-rekod sejarah berkenaan sesuatu peristiwa dapat dilengkapi kerana sebahagian maklumat masih tersimpan dalam memori individu yang terlibat. Kenyataan mengenai sejarah lisan ini juga disokong oleh (Hadhari, 2013) yang memberi maksud sejarah lisan atau tradisi lisan merujuk kepada semua keterangan lisan mengenai masa lalu yang telah dipertuturkan dari seorang ke seorang dengan cara

pertuturan. Jelaslah disini bahawa kajian mengenai seni warisan kuda kepang ini dapat membantu untuk menekankan kepetingan sejarah lisan ini kepada negara khususnya kepada setiap kelahiran individu baru yang ingin mengetahui dengan lebih dalam lagi mengenai sejarah warisan seni negara.

Di samping itu, sejarah lisan ini juga mampu dijadikan sebagai rujukan yang berpanjangan, sebagai salah satu pendekatan kepada generasi kini untuk menghargai seni warisan, serta sebagai salah satu cara untuk memastikan seni warisan kuda kepang ini tidak pupus ditelan zaman.

### **3.2 Objektif Sejarah Lisan**

Kajian ini dijalankan bagi tujuan-tujuan berikut:

1. Untuk mengkaji dengan lebih lanjut mengenai ritual yang dijalankan dalam persembahan tarian kuda kepang.
2. Untuk merungkai mengapa kuda kepang tidak menjadi minat kepada generasi muda pada masa kini.
3. Untuk mengkaji sejauh mana budaya luar memberi impak negatif terhadap kuda kepang.

### **3.3 Kepentingan Sejarah Lisan**

Kaedah kajian lisan ini sangat penting dan berguna untuk dijalankan dalam kalangan generasi pada masa kini. Hal ini kerana ia dapat memberi banyak manfaat serta kebaikan dari pelbagai segi. Hal ini boleh di lihat dari segi:

- Ilmu - Dengan adanya kesenian warisan kuda kepang, ia dapat menyumbangkan semula ilmu kepada warisan seni untuk dijadikan panduan dan rujukan pada masa akan datang.
- Masyarakat - Untuk menerapkan nilai estetika terhadap kesenian warisan kuda kepang dalam masyarakat meskipun berada dalam arus permodenan.
- Negara – Untuk melambangkan identiti negara Malaysia sebagai sebuah negara yang unik dengan kepelbagaian seni warisan dan budaya.
- Agensi – Untuk membantu Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia dalam memperkenalkan warisan seni kuda kepang kepada generasi kini sebagai pendedahan terhadap kesenian budaya dan warisan.

# **KAJIAN LITERATUR**



## 4.0 KAJIAN LITERATUR

### 4.1 Warisan Seni

Menurut (Kebangsaan et al., 2018) menyatakan bahawa kesenian adalah suatu produk, pertunjukkan atau persembahan atau apa-apa yang berseni yang memiliki ciri-ciri estetika, keindahan atau kecantikan dan seni boleh diterjemahkan sebagai jelmaan rasa indah yang terkandung dalam jiwa manusia, dilahirkan dengan perantaraan alat komunikasi ke dalam bentuk yang dapat ditangkap oleh pancaindera pendengaran (seni suara), penglihatan (seni lukis) atau dilahirkan dengan perantaraan gerak (seni tari atau drama).

Selain itu, pengertian seni juga dapat dijelaskan daripada pandangan (Irhandayaningsih, 2018) yang menyatakan seni sebagai suatu hal yang merujuk kepada keindahan estetika dan seni adalah suatu produk budaya dari sebuah peradaban manusia, sebuah wajah dari suatu kebudayaan yang diciptakan oleh sekelompok masyarakat atau bangsa atau dalam erti kata lain kesenian dapat didefinisikan sebagai manifestasi budaya manusia yang memenuhi syarat-syarat estetik. Menurut pandangan daripada (Felix, 2012) seni merupakan gabungan dari pemikiran, keahlian yang melibatkan keterampilan fizik dan hasil akhir yang termanifestasi dalam bentuk atau gerakan yang membawa maksud seni adalah sebuah proses yang dapat dibahagikan kepada tiga tahap utama iaitu tahap pertama akan dimulai dengan idea dan pemikiran manakala tahap kedua pula proses produksi seterusnya ke tahap yang ketiga iaitu seluruh keahlian yang melibatkan keterampilan fizik. Seterusnya, definisi seni juga boleh dilihat daripada pandangan (Fitria, 2013) dimana istilah seni berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu 'sani' yang bererti pemujaan, pelayanan, donasi, permintaan atau pencarian dengan hormat dan jujur dan seni juga adalah sesuatu yang menghasilkan keindahan dan kesenangan dengan melalui ekspresi jiwa manusia yang dituangkan melalui media seni dalam bentuk karya seni. Pengertian seni juga boleh dilihat daripada pandangan (Krismiaji, 2013) seni tiga erti iaitu yang pertama, keahlian membuat karya yang bermutu dimana boleh dilihat dari segi kehalusannya serta keindahannya kedua, karya yang diciptakan dengan keahlian yang luar biasa seperti tarian, lukisan ukiran dan sebagainya manakala yang ketiga adalah kesanggupan akal untuk menciptak sesuatu yang bernilai tinggi atau luar biasa. Di samping itu, kenyataan daripada (Haziyah Hussin, 1970) turut menyatakan bahawa perkataan 'seni', atau 'art' dalam Bahasa Inggeris berasal daripada perkataan Latin iaitu

'ars' yang membawa maksud kemampuan dan keupayaan menghasilkan sesuatu secara kawalan sedar yang merangsang kepada penghasilan bentuk visual. Menurut (Dan & Di, 1976) seni adalah kecekapan membuat atau menciptakan sesuatu yang elok atau indah dimana ia adalah sesuatu karya yang dibuat dengan kecekapan yang luar biasa seperti puisi, lukisan, ukiran dan sebagainya dan seni juga adalah segala perbuatan manusia yang timbul dari hidup perasaannya dan bersifat indah sehingga dapat menggerakkan perasaan manusia.

Seterusnya, bagi menjelaskan definisi warisan pula menurut (Dan et al., 2018) menyatakan bahawa warisan sebagai sesuatu yang diterima secara turun temurun oleh seseorang dengan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Menurut kenyataan dari (Zuriawati Ahmad Zahari et al., 2015) warisan dimaksudkan dengan sesuatu yang diterima secara turun-temurun oleh seseorang dan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi yang terdahulu dan ianya menggambarkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa yang melambangkan ketamadunannya. Kenyataan daripada (F, 1967) warisan ialah semua harta benda yang ditinggalkan oleh seseorang yang meninggal dunia baik berupa benda bergerak mahupun benda tetap termasuk barang atau wang pinjaman dan juga barang yang ada sangkut pautnya dengan hak orang lain misalnya barang yang digadaikan sebagai jaminan atas hutang ketika pewaris masih hidup. Kenyataan ini juga disokong oleh (Li et al., 1995) dimana ia memberi maksud warisan bererti harta peninggalan, pusaka atau surat wasiat.

Menurut (Karmadi, 2007) definisi warisan budaya pula ialah produk atau hasil budaya fizik dari tradisi-tradisi yang berbeza dan prestasi-prestasi spiritual dalam bentuk nilai dari masa lalu yang menjadi elemen utama dalam jati diri suatu kelompok atau bangsa. Namun begitu, menurut (Dan et al., 2018) juga menjelaskan bahawa warisan budaya boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Bagi seni warisan kuda kepang ini dikategorikan dalam warisan budaya tidak ketara dan warisan budaya tidak ketara pula merujuk kepada kegiatan budaya yang wujud melalui hasil cipta dan idea berdasarkan pengamatan terhadap alam untuk mengisi ruang kehidupan seharian mereka. Warisan tidak ketara sering berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan kepakaran yang dimiliki oleh manusia yang diterima melalui proses pengalaman yang diwarisi secara dipelajari atau mimpi. Warisan budaya tidak ketara boleh

diturunkan secara turun temurun dan diwarisi secara dari generasi ke satu generasi dan warisan budaya tidak ketara ini boleh dibahagikan kepada aktiviti seperti tradisi lisan, seni persembahan, muzik, lakonan, nyanyian dan lukisan. Bagi menyokong kenyataan mengenai warisan budaya tidak ketara ini juga dijelaskan dari (Mohamed et al., 2020) dimana warisan budaya tidak ketara ini ialah amalan, representasi, ekspresi, pengetahuan dan ruang kebudayaan yang berkaitan dengannya. Warisan budaya tidak ketara ini diperturunkan dari generasi ke generasi, sentiasa dicipta semula oleh sesuatu komuniti dan kumpulan sebagai tindak balas terhadap persekitaran mereka, interaksi mereka dengan alam dan sejarah mereka dan memberikan mereka rasa identiti dan kesinambungan, justeru menggalakkan rasa hormat terhadap kepelbagaian budaya dan kreativiti manusia. Namun demikian, dalam memastikan setiap individu dan masyarakat di dalam sesebuah negara itu melahirkan rasa hormat dan tanggungjawab terhadap memastikan sesuatu warisan budaya ini terus terjamin, mereka perlu memahami tentang kepentingan terhadap pemeliharaan sesuatu warisan itu.

Oleh yang demikian, warisan seni amatlah penting untuk menjadi suatu identiti yang menarik terhadap negara kita iaitu Malaysia. Justeru itu, terdapat beberapa kepentingan yang dapat dikenalpati bagi memastikan seni warisan turun temurun tidak hilang ditelan zaman. Antara kepentingan untuk memartabatkan seni warisan menurut (Kebangsaan et al., 2018) menjelaskan bahawa seni warisan dan kreatif dirasakan amat penting untuk dijadikan sebahagian dari strategi bagi memupuk pembinaan bangsa terutama berteraskan ajaran Islam ke arah persamaan, toleransi, dan persefahaman di kalangan masyarakat. Menurutnya lagi, seni warisan dan kreatif dalam mencapai gagasan satu ini mampu menjadi asas kepada pewujudan nilai-nilai jati diri, dan toleransi di kalangan masyarakat sebagai satu cabaran pembinaan bangsa. Tambahan pula, kenyataan daripada (Ke et al., 2011) kepentingan mengekalkan warisan seni berupaya melahirkan modal insan cemerlang, selain daripada sistem dan dasar pendidikan moden, tujuan pendidikan sepanjang hayat (lifelong education), formal dan tidak formal. Pembangunan modal insan sebenarnya boleh ikut dicapai sekalipun melalui bidang kesenian yang tercerna dalam bermacam bentuknya seperti kesenian etnik atau klasik, kesenian rakyat atau tradisional dan kesenian sezaman termasuk seni bina, muzik, teater, seni lukis, seni kraftangan, kegiatan bahasa, sastera, bengkel keilmuan dan sebagainya. Namun begitu, dalam

mengekalkan kepentingan seni warisan sebagai suatu aset yang penting dalam pertumbuhan sesuatu masyarakat dan ketamadunan negara, terdapat juga cabaran yang menjadi penghalang bagi usaha dalam mengekalkan seni warisan ini.

Antara cabaran atau isu yang dapat dilihat dalam usaha untuk memastikan seni warisan ini dapat dikekalkan supaya kelestariannya dapat diteruskan. Hal ini dapat dilihat melalui isu yang diterangkan oleh (Widodo, 2018) yang menyatakan generasi muda pada masa kini khususnya dari kalangan kanak-kanak dan dewasa tidak diterapkan dengan perasaan cinta terhadap warisan seni budaya sendiri dan lebih cenderung terhadap kebudayaan yang dibawa oleh Barat yang mempunyai latar belakang yang sangat berbeza termasuklah dari aspek nilai budayanya. Menurutny lagi, hal ini berlaku adalah disebabkan golongan muda pada masa kini lebih didedahkan dengan media massa elektronik dan perkembangan teknologi. Terdapat juga kenyataan daripada (Razali et al., 2016) yang menyatakan salah satu cabaran dalam mengekalkan seni warisan adalah disebabkan pertembungan budaya luar terhadap budaya asal yang memihak pada unsur-unsur budaya bukan tradisi tempatan dan ini mengakibatkan keaslian warisan asal tidak dapat dikekalkan. Di samping itu, melalui penyelidikan yang dibuat oleh (2005, نيز نيدلا) salah satu cabaran yang dihadapi dalam usaha memastikan martabat seni warisan dapat diteruskan adalah kurang dana dan insentif kewangan yang disalurkan kepada penggiat industri seni warisan. Hal ini terjadi kerana terdapat beberapa pihak yang memandang enteng terhadap seni warisan yang dianggap tiada membawa keuntungan dan kejayaan kepada pembangunan sesebuah negara.

#### **4.2 Kuda Kepang**

Terdapat pelbagai variasi mengenai asal-usul kemunculan kuda kepang dari pelbagai kenyataan. Antaranya, menurut (TRANSE DLM KUDA KEPANG MABUK(KKM). Pdf, n.d.) tarian atau permainan kuda kepang ini berasal dari Tanah Arab dan Parsi. Dikatakan pada abad ke-13 Masihi, pelaut-pelaut Jawa yang pernah ke Timur Tengah, dikatakan membawa balik tarian kuda kepang ini untuk diperkenalkan kepada masyarakat Jawa. Tarian ini merupakan gambaran perwira-perwira Arab di bawah pimpinan Sayidina Ali menunggang kuda ketika berperang menentang musuh Islam. Pada kenyataan (بکچوک, 1377) menjelaskan asal mula kuda lumping adalah Kerajaan Ponorogo selalu kalah dalam

peperangan. Sehingga akhirnya sang Raja pergi ke sebuah gua pertapakan. Ketika sedang bertapa sang Raja mendapat bisikan yang isinya adalah apabila Raja ingin menang dalam berperang, maka harus menyiapkan pasukan berkuda dengan adanya iringan muzik. Iringan muzik tersebut membuat semangat prajurit penunggang kuda membabi buta menyerang musuh-musuhnya dan akhirnya sang Raja selalu memperoleh kemenangan. Teori seterusnya mengenai asal-usul kuda kepang juga dinyatakan dalam kajian daripada (GHAZALI, 2004) menyatakan bahawa tarian kuda kepang sebenarnya berasal dari Tanah Jawa dan bukan merupakan sejenis kebudayaan yang didatangkan dari Tanah Arab. Tarian kuda kepang ini asalnya dimainkan oleh wali Songo iaitu sembilan wali yang termasyhur di Tanah Jawa pada suatu masa dahulu. Kesembilan orang wali itu ialah Sunan Ngampol, Sunan Makhdum Ibrahim, Masih Munat, Radin Paku, Sunan Kali Djaga, Sunan Kudus, Sunan Muria, Sunan Guning Jati dan Malik Ibrahim. Kesembilan wali ini berhasrat untuk mengembangkan agama Islam lalu mereka telah ke kampung-kampung yang terpencil menggunakan kuda. Pada peringkat awal sambutan orang-orang kampung terlalu dingin. Disebabkan mereka jarang terdedah kepada orang-orang luar, setiap kali Wali Songo itu datang mereka telah melarikan diri. Justeru itu Wali Songo telah mencipta kuda daripada buluh dan sejenis tarian sambil menunggang kuda ciptaan mereka itu diiringi bunyi-bunyian. Oleh yang demikian, terdapat beberapa pengenalan awal yang dapat dijelaskan secara ringkas mengenai kuda kepang ini.

Pengenalan awal terhadap kuda kepang, iaitu menurut (Syazuwan & Jemaan, 2017) menjelaskan bahawa kuda kepang ialah kegiatan yang kian pudar di masyarakat Jawa terutamanya di kawasan Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia. Menurutnya lagi, kuda kepang juga merupakan persembahan tradisi di Malaysia yang tidak menggunakan skrip namun begitu terdapat beberapa syarat atau prosedur dalam kuda kepang yang harus dilakukan bagi menjadikan persembahan ini sebuah persembahan yang berjaya. Menurut (Hamid et al., 2014) menyatakan bahawa kuda kepang juga dikenali dengan pelbagai nama yang mengikut sesuatu kawasan seperti di Jawa Timur ia dipanggil sebagai “Djaran Kepang” manakala masyarakat di Jawa Barat mengenali kuda kepang sebagai “Kuda Lumping”. Seterusnya, mengikut (Agustin & Wiyoso, 2019) tarian kuda kepang disebut juga sebagai “kuda lumping” kerana lumping merujuk kepada salah satu bahan yang digunakan dalam pembuatan kuda kepang dan dianyam hingga membentuk dan

menyerupai seperti kuda lalu dicat dan ditambah dengan rambut haiwan ternakan seperti lembu, kambing bahkan kuda yang biasanya diletakkan di bahagian kepala dan ekor untuk memberi gambaran seperti kuda.

Bagi penjelasan daripada (Sedunia, 2020) menjelaskan kuda kepang ialah patung anyaman berbentuk seperti seekor kuda tanpa kaki dan kebiasaannya dipersembahkan semasa majlis keramaian sempena menyambut orang kenamaan, perkahwinan dan hari perayaan. Menerusi pandangan daripada (Nasuruddin & Ishak, 2015) kuda kepang berasal dari Jawa adalah satu bentuk teater tarian tradisional Melayu yang menggabungkan trance dalam prestasinya dibawa ke Tanah Melayu (Tanah Melayu) oleh pendatang Jawa secara eksklusif dilakukan oleh anggota masyarakat Jawa yang telah berakultur dalam lingkungan budaya Melayu dimana persembahan Kuda Kepang melayani fungsi sekular dan ritual iaitu fungsi sekular merangkumi aspek perayaan majlis perkahwinan dan upacara, cuti kebangsaan, festival budaya dan sebagai sambutan memberi isyarat untuk menghormati orang kenamaan yang berkunjung. Ia juga merupakan ungkapan persahabatan komunal, sebuah acara yang dianjurkan oleh kampung untuk penggunaan sekular dan kerohanian penduduk kampung. Ini mengikat anggota masyarakat secara fizikal, secara rohani dan mistik. Seterusnya, menurut (Fitria, 2013) kesenian kuda lumping merupakan kesenian tari tradisional yang menjadi warisan budaya dari nenek moyang masyarakat Jawa yang berasal dari daerah Jawa Tengah lalu sebagai kesenian yang muncul di pedesaan, kesenian kuda lumping berfungsi sebagai upacara bersih desa dan menghalau roh-roh jahat yang menyebabkan penyakit dan malapetaka. Walau bagaimanapun, bagi memulakan sesuatu persembahan kuda kepang itu, terdapat amalan ritual yang perlu dilakukan untuk memastikan setiap persembahan yang dilakukan berjalan dengan baik dan lancar.

Antara amalan ritual yang akan dilakukan semasa persembahan kuda kepang menurut (Bakar, 2014) adalah melakukan persediaan sebelum persembahan tarian kuda kepang di mana para penari tarian kuda kepang tersebut perlu menuntut ilmu batin serta perlu menjalani beberapa bentuk ujian serta berpuasa dan mereka perlu mengikuti segala saranan pemimpin bertujuan untuk mengukuhkan semangat diri sekaligus mereka akan diajar cara-cara untuk menari kuda kepang yang mempunyai gerak tari yang estetik sifatnya itu serta turut diajar tentang kaedah membunyikan tali pecut yang kebiasaannya

dikendalikan oleh ketua kumpulan tarian atau dikenali dengan panggilan dayang dan kebiasaannya setiap kumpulan tarian kuda kepong mempunyai seorang pawang yang memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan gelanggang, para pemain muzik, penari dan juga para khalayak dan lazimnya, sebuah kumpulan tarian kuda kepong mempunyai 9 hingga 15 orang penari dan salah seorang daripada mereka bertindak sebagai ketua kumpulan yang ditugaskan untuk mengendalikan tali pecut. Seterusnya, amalan ritual yang dilakukan semasa persembahan kuda kepong menurut (Sedunia, 2020) adalah ketika membuka gelanggang di mana ketika upacara membuka gelanggang, bomoh atau pawang bertanggungjawab untuk menyediakan bentuk peralatan dan sajian seperti kelapa, beras, pisang, kemeyan, ayam putih, padi, telur, bunga rampai, kain putih, jarum dan benang manakala sajian disediakan sebagai makanan untuk makhluk halus yang akan meresap ke dalam badan penari yang kerasukan jadi pawang berfungsi sebagai perantaraan antara penari dengan kuasa ghaib serta bertanggungjawab memelihara penonton dan penari daripada ancaman kuasa jahat dan pawang juga bertanggungjawab memulihkan penari keluar dari keadaan abnormal kepada situasi normal selepas persembahan kuda kepong tamat. Di samping itu, menurut (Rahman, 2013), dikatakan ketua kuda kepong ialah orang yang dianggap mampu mengembalikan kesedaran penari apabila mereka mengalami kerasukan dimana orang tersebut lazimnya dikenali sebagai gambuh atau bomoh dan lazimnya gambuh atau bomoh juga disebut sebagai “orang pintar”, iaitu mempunyai pengetahuan tentang perkara ghaib dan gambuh dalam kuda kepong berfungsi untuk mengawal dan mengawasi perjalanan persembahan jadi tugas gambuh dalam persembahan bermula dari awal lagi, iaitu sebelum acara bermula dan gambuh harus mempersiapkan sajen dan membakar kemenyan untuk menghormati roh halus yang berada di tempat persembahan.

**TRANSKRIP TEMUBUAL  
BERSAMA TOKOH  
(SESI PERTAMA)**



## **5.0 TEMUBUAL BERSAMA TOKOH**

### **5.1 SESI PERTAMA**

**NHN: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakutuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan sesi pertama mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni warisan kuda kepang di Malaysia. Bersama kami ialah Encik Mohd Naim Bin Marjani [sic, Naim Bin Marjani] yang merupakan seorang penggiat Seni Warisan Kuda Kepang. Rakaman ini dijalankan pada 7 June 2021 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 10:05 minit bertempat di aplikasi Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh saya Nor Husna Nadiyah Binti Che Hasin dan juga Diana Ain Arissa Azizan. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.**

**NBM: Waalaikumussalam. Saya pak [Encik] Naim Bin Marjani. Penggiat seni kuda kepang di (bunyi telefon) (masalah teknikal)**

**NHN: Okay, Encik Naim [Naim Bin Marjani] bolehkah Encik Naim [Naim Bin Marjani] menceritakan serba sedikit mengenai latar belakang Encik Naim [Naim Bin Marjani]?**

**NBM: *Insyaa-Allah* [dengan izin Allah]. Jadi saya cuba ringkaskan saje lah. Sa-ya panggil Pak [Encik] Naim [Naim Bin Marjani], so [jadi] semua panggil atok di kampung [Sungai Nibong, Batu Pahat, Johor] ni lah (masalah teknikal). Ja-di saya (berfikir) dilahirkan d-i kampung Sungai Nibong, Semerah [Batu Pahat, Johor, Malaysia] pada tahun dua belas sebelas- - sembilan belas empat puluh satu [sic, 12 November**

1941]. Sekarang dah menjangka yang ke lapan puluh [80] tahun. *Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] masih sihat (bunyi telefon) dipelihara terpelihara dipelihara lagi kesihatan. Dan sa-ya seba-gai penggiat seni yang mana tak berape ada pelajaranlah, dah tak pergi sekolah. T-u sebenarnya sekolah melayu setakat darjah enam [6] saje. Tulah, masa tu belum ada lanjutan belajar lebih tinggi lagi. Jadi masa t-u masih zaman tahun sembilan bela lima puluh dua [1952] saya masuk sekolah darjah satu [1] di kampung di kampung [Sungai Nibong, Semerah, Batu Pahat, Johor] sampai ta-hun sampai darjah enam [6]. Ada pendidkan saya pendidikan sekolah rendah saje. (bunyi kerusi).

**DAA: Encik Naim [Naim Bin Marjani], sekarang berapekah usia encik naim?**

NBM: Sekarang dah menjangka empat yang ke (berfikir) lapan puluh [80].

**DAA: Okay, dimanakah en-cik dilahirkan?**

NBM: Dilahir d-i kampung di kampung [Sungai Nibong, Semerah, Batu Pahat, Johor Malaysia] yang saya duduk tu. Pada tahun lapan puluh [80] yang berlalu.

**DAA: Ja-di a-pe memang Encik Naim [Naim Bin Marjani] ni berasal daripada Jawa ataupun Johor itu sendiri?**

NBM: Saya d-i anak Johor [Malaysia]. Dilahirkan di tanah di negeri Johorlah, di daerah Batu Pahat [Johor, Malaysia]. Bapak saya datang dari Jawa. Sa-ya lahir di- - mak [Rominah Haji Zamzam] saya orang Malaysia. Lahir di Malaysia lah. Bapak [Marjani Bin Abdullah] saya dari-pada tanah Jawa.

**DAA: Okay, sekarang ni Encik naim [Naim Bin Marjani] tinggal dimana? Penempatan kekal Encik Naim [Naim Bin Marjani]?**

NBM: Saya tinggal di kampung saya lah. Tempat di- - lahirkan ] [Sungai Nibong, Semerah, Batu Pahat, Johor, Malaysia] sekarang ni.

**DAA: Okay, seterusnya nak bertanya menge-nai latar belakang keluarga Encik Naim [Naim Bin Marjani] (berfikir) boleh tak Encik Naim [Naim Bin Marjani] ceritakan sedikit siapakah nama ibu dan bapa Encik Naim [Naim Bin Marjani]?**

NBM: Nama bapak saya namanya Marjani Bin Abdul-lah. Mak sa-ya bernama Rominah Haji Zamzam. **DAA: Okay.** NBM: Sa-ya

**DAA: Encik Naim [Naim Bin Marjani] ada berape orang adik-beradik?**

NBM: Saya adik-beradik ada sebelas [11] orang adik-beradik (bunyi telefon) Saya yang ke sembilan [9].

**DAA: Ohh, anak yang ke sembilan [9] daripada sebelas[11] adik-beradik. (bunyi telefon)**

NBM: Be- (bunyi telefon) (masalah teknikal)

**DAA: Husna [Nor Husna Nadiyah Binti Che Hasin], ada soalan lagi?**

**NHN: Okay, seterusnya saya ingin menanyakan mengenai perkahwinan Encik Naim [ Naim Bin Marjani]. Encik Naim, bilakah Encik Naim dan isteri mula mendirikan rumah tangga?**

NBM: Saya mendirikan rumah tangga pada enam hari bulan sembilan belas enam puluh enam [6hb Jun 1996]. Di-kurniakan anak seramai tujuh [7] orang. Semuanya perempuan. Dan sekarang ni semua dah- - berumah tangga dah dan mem-punyai

cucu (bunyi telefon) seramai du-a puluh enam [26] orang (mengganguk) dan tiga orang cicit [3].

**DAA: Okeyy, berkenaan . NHN: Okeyy, teruskan. DAA: berkenaan dengan pendidikan Encik Naim tadi ma-sa Encik Na-im [Naim Bin Marjani] menuntut pengajian di sekolah rendah dengan me-nengah apa nama intitusi pengajian Encik Naim [Naim Bin Marjano] tu?**

NBM: Nama pengajian ya?

**DAA: Haa, nama sekolah Encik Naim [Naim Bin Marjani].**

NBM: (berfikir) Hah, nama apa tu? Nama sekolah?

**DAA: Haah, nama sekolah. NBM: Sekolah?**

NBM: Nama sko-lah, Sekolah Melayu Kampung Sungai Nibong [Batu Pahat, Johor, Malaysia] di-tubuhkan ta-hun sekolah tu ditubuhkan pada tahun sembilan belas dua

puluh lapan [1928]. Ha-nya ma-sa tu zaman t-u zaman sekolah tu sekolah atap.  
Tahu sekolah atap?

**DAA: Tak tahu sekolah atap? Macam mana tu?**

NBM: Dia punya atap tu atap nipah. Atap ni atap nipah, zaman dulu. **DAA: Atap tu guna nipah?** NBM:Haa.

**DAA: Okeyy, sekarang kitaorang nak tanya berkenaan den-gan asal usul kuda kepang itu sendiri? Apakah asal usul kuda kepang tu untuk pandangan Encik Naim [Naim Bin Marjani]?**

NBM: Asal usul kuda kepang tu ad-a sa-tu kos ceritalah dari-pada pada tanah (bunyi telefon) Jawa (bunyi bising). Orang orang orang zaman dulu lah bawak *serious* [serius] bawak johor [Malaysia] ni , tanah Jawa. Sejarahnya menge-nai pendakwah berlaku di tanah Jawa, masa tu di tanah Jawa tu masyarakat orang-orang Jawa berkembang lagi dengan il-- Agama Hindu (masalah teknikal) 'Walisongo'. Tahu tak 'Songo' tu ape?

**DAA: Walisongo ke?**

NBM: Tahu tak Songo tu ape? Songo tu sembilan [9] bahasa Jawinya [sic, Jawa] Songo orang belajar Bahasa Melayu-nya sembilan [9]. Wali sembilan (ketawa kecil).

**DAA: Okey-okey**

NBM: Jadi salah seorang wali bernama ‘Sunan Kalijogo’ tahu tak?

**NHN: Tak tahu. DAA: Tak kenal Encik Naim [Naim Bin Marjani]**

NBM: ‘Sunan Kalijogo’ Sunan tu wali. Kali tu macam anak sungai la. Jadi Jogo tu jaga, Bahasa Melayu dia jaga. Jadi dia ada idea macam mana dia nak menghim-punkan orang masyarakat di tanah Jawa ni untuk mengembangkan ajaran Islam. Jadi dia buat satu kumpulan tarian kuda kepang. Okay.Orang - -Jawa pun keluarlah untuk menonton tarian persembahan kuda kepang. Ramai la masa tu, sejurus selesai je persembahan, datang lah salah sorang tu be-ritahu “jangan bersurai dulu. Saya akan mengajar mengada mengajarkan Ugama [Agama] Islam”. Jadi, dia ajar mengucap dua kali syahadah. Begitulah macam tu lah berkembangnya Ugama-Ugama dalam ajaran Jawa.

**DAA: Jadinya Encik Naim [Naim Bin Marjani] Wali Songo ni dia ja-di dia nak sampaikan dakwah dia melalui nak tarik perhatian dia melalui tarian kuda kepang la?**

NBM: Ya, dengan tarian menarik minat orang-orang kampung. Pastu dia pun akan pindah lain tempat daerah lain daerah akan buat benda yang lain pulak. Wayang Kulit ke ape ke seni de-ngan kesenian, melalui kesenian lah menarik minat orang nak datang untuk tengok persembahan. Dia benda yang sama dia mengembangkan ajaran Islam, dan tak silap saya dalam kehadiran abad yang ke sebelas [11].

**DAA: Okey Encik Naim [Naim Bin Marjani] ada jugak yang saya baca yang mengenai dengan (berfikir) asal usul kedatangan kuda kepang ni dikatakan ada kaitan dengan perjuangan Saidina Ali, dimana orang kata kuda kepang tu macam nak melambang-kan ketenteraan zaman kita berperang dulu.**

NBM: Jadi lambang tu dari-pada dia ambik daripada tentera orang-orang Arab zaman perang- - tak silap saya perang Bada t-u kan. bu-kan hanya menterjemahkan tentera orang-orang bukan Islam zaman perang dulu. Jadi *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] lah \_ \_ \_ sejarah \_ tu lah. Ja-di masa-lahnya apabila dah ja-di kumpulan kuda kepang macam ada tak ada ape-ape unsur kelainan. Ja-di pada masa i-tu di tanah Jawa ramai budak-budak mem-gambil upah mem-bela sapi , kambing, kerbau membela secara berkumpulan. Ja-di dia buatlah tarian-tarian, dia ambiklah dari daun- daun- - kelapa, daun kelapa dia anyam \_ buat main sambil men-jaga ternakan itu. Tidak ada apa-apa kelainan, ja-di ada salah sorang hamba



Allah nilah , dia \_\_\_ satu [1] sorang di bandar kepada Jawa (ketawa kecil), ja-di macam hilang ingatanlah, ja-di acah je-lah. Ja-di zaman sekaranglah ni di tokok tambah oleh sendirian, jawapan waris tak ada \_\_. Okay, jelas tak?

**DAA: Okey baiklah, Husna [Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin] soalan seterusnya?**

**NHN: Okey, soalan seterusnya berkaitan dengan penglibatan Encik Naim [Naim Bin Marjani] dalam bidang kuda kepang ini? Bolehkah Encik [Naim Bin Marjani] menceritakan serba sedikit bagaimana Encik [Naim Bin Marjani] mula menceburi dalam seni warisan kuda kepang ni (bunyi bising)?**

NBM: Mence-buri berkenaan kuda kepang ni rasanya ialah lima [5] \_\_ orang-orang masyarakat Jawa di kam di dae-rah kampung [Sungai Nibong, Semerah, Batu Pahat, Johor, Malaysia] lah. Salah sa-tu kumpulan buat persembahan di panggil majlis perkahwinan pada siang malam, ja-di orang-orang kampung semua keluar, ja-di masa tulah saya mula-mula ada kumpulan kuda kepang yang tak pernah di jangka tak pernah di tengok. Ja-di apabila- - sudah selesai dia sampai masa di - - setahun lebih kurang pun berlalulah, ja-di ada salah satu [1] dua [2] tiga [3] orang nak jumpa dengan saya. Sa-ya ni masa tu baru lepas sekolah umur lapan belas [18] tahun lah kira yang paling mudalah sekali \_ un-tuk men-cari guru buat satu kumpulan ku-da kepang ini. Ja-di borak-borak makan-makan malam tu pegi jumpa tok guru [Marjidi Bin Haji Abdul Kadir] untuk buat \_ kuda kepang. Ja-di pegilah berjalan lebih kurang jauh tiga puluh [30] kilometer jauh dari kampung [ Sungai Nibong, Semerah, Batu Pahat, Johor] sampai ke daerah tu \_ (bunyi telefon) kuda kepang tu. Ja-di dalam masa tu tak- -mudah nak- -me- -nuntut

ilmulah, di- - tengok latar belakang, depan belakang, atas bawah macam tak percayalah tok guru tu [Marjidi Bin Haji Abdul Kadir], ja-di skalinya tu belum mampu lagi nak- - turunkan ilmu tu. Ja-di masa tu \_ (masalah teknikal) barulah \_ yang (bunyi telefon) kedua. Seterusnya, \_ \_ \_ kita tak dapat.

**DAA: Jadi Encik Naim [Naim Bin Marjani] maksudnya kira daripada umur brape tu Encik Naim [Naim Bin Marjani] ada simpan niat da-lam mengikuti bidang kuda kepeng ni (bunyi telefon)?**

NBM: Kuda kepeng tu kalau ikutkan tahun lima puluh sembilan [1959] saya dilahirkan tahun empat puluh satu [1941] lebih kurang berusia lapan belas [18] tahun, masih ikut pengikut-pengikut lagi, belum masih ada ape-ape jawatan lagi. Jawatan pun tak ade. Orang lebih tua ada lagi. Pemimpin dia masih di pimpin lagi dengan orang lain yang lebih tua daripada sayalah.

**DAA: Okey, jadi adakah keluarga- - rapat Encik Naim [Naim Bin Marjani] contoh seperti ayah Encik Naim sendiri ya-ng juga ada berkecimpung dalam warisan kuda kepeng ni?**

NBM: Bapak saya takde kisah ape, dia takde. Dia (bunyi telefon) \_ \_ membantu kawan-kawan je untuk menyertai i-tu kumpulan. Bapak saya takde berminat-minat tadi tu takda. Kluarga saya semua takda, mengikut ada mengikut kawan-kawan saje.

**DAA:** Okey, ta-di (berfikir) Encik Naim [Naim Bin Marjani] ade cakap Encik Naim [Naim Bin Marjani] pegi jumpa tok gurukan [Marjidi Bin Haji Abdul Kadir]. Okay, untuk nak ape kua-sai bidang buat kuda kepang ni. Kalau (berfikir) se-ingat Encik Naim [Naim Bin Marjani] apakah nama tok guru [Marjidi Bin Haji Abdul Kadir]. Encik Naim [Naim Bin Marjani] itu?

**NBM:** Tok guru saya namanya Mar-jidi pak Marjidi Bin Haji Abdul Kadir. Pada orang Jawa [Indonesia] juga dia brasal dari Jawa.

**DAA:** (Mengangguk) (berfikir) Ja-di tok guru [Marjidi Bin Haji Abdul Kadir] Encik Naim [Naim Bin Marjani] ni ada-kah beliau ma-sih (berfikir) ade lagi ataupun dah takde dah?

**NBM:** Stakat ni ma-sa tu saya bertemu dia dah setahu yang ke 90 tahun dah. Sekarang dah takda la guru [Marjidi Bin Haji Abdul Kadir] tu, guru tu dah bertahun berlalu dah meninggal.

**DAA:** Okey Encik Naim [Naim Bin Marjani], jadi dah tentunya apa tok guru [Marjidi Bin Haji Abdul Kadir] Encik Naim [Naim Bin Marjani] sebagai idola Encik Naim [Naim Bin Marjani] betul tak?

NBM: Ya - saya, ya idola.

**DAA: Apa yang membuatkan Encik Naim [Naim Bin Marjadi] men-jadikan tokguru [Marjidi Bin Haji Abdul Kadir] tu sebagai idola Encik Naim [Naim Bin Marjani]?**

NBM: Saya idola saya- - tabik la orang tok guru orang yang peramah dan murah hati dan lemah lembut dan boleh berpegangkan acara, boleh segala seni dia boleh buat persembahan, boleh dia boleh buat pertunjukan pada il-mu, kebolehan dialah, untuk masyarakat. Tu-lah jadi saya minat dengan tok guru [Marjidi Bin Haji Abdul Kadir] tu.

**DAA: Okey Husna [Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin] sambung soalan tadi.**

**NHN: Okey, brape lamakah Encik Naim [Naim Bin Marjani] mengambil masa untuk berguru dengan Tok guru [Marjidi Bin Haji Abdul Kadir] Encik Naim [Naim Bin Marjani]?**

NBM: Mengambil masa lebih kurang dua [2] tahunlah. Baru khatam jadi (ketawa kecil) anak murid tok guru tu. Banyak rintangan, banyak halangan ada yang suka ada yang tak suka, masyarakat kita ni orang-orang kita orang-orang ni orang-orang

ramai. Ja-di yang tak suka dia akan mencemeh apa memce orang kata mencemeh sajarah siapa yang - - (ketawa kecil) macam mengejek-ngejek jelah ja-di yang tak minat .Yang minat tu tak, menyokong kira beri sokonganlah. Ramai tak nyokong dah memang main kuda mabuk.

**NHN: Selain Encik [Naim Bin Marjani] berguru dengan tok guru [Marjidi Bin Haji Abdul Kadir] Encik Naim [Naim Bin Marjani], Encik Naim [Naim Bin Marjani] ade mengambil sebarang kursus atau apa-apa lagi latihan dalam seni warisan kuda kepang ni?**

NBM: Ma-sa tu belum ada apa-apa - - bengkel, belum ada masuk dalam rekod, simpan dalam kamus, dalam -- saya hanya hidup dalam - - saya hanya hidup dengan sendirian saya saje takde khidmat masyarakat, pihak kampung, pihak berkuasa. Masa tu belum ada berbekal apa-apa lagi. Ma-sa tu kebudayaan kuda kepang belum ada.

**NHN: Sepanjang penglibatan Encik Naim [Naim Bin Marjani] dalam kuda kepang ni, pernahkah Encik [Naim Bin Marjani] membuat persembahan di peringkat daerah mahupun antara antarabangsa?**

NBM: Masa t-u banyak kumpulan muncul di tempat-tempat \_\_ macam kumpulan ada, lebih kumpulan 'Sinar Warisan Kuda Kepang' [Nama kumpulan kuda kepang Encik Naim Bin Marjani] belum wujud lagi. Tinggal lagi ketinggalan jauh pada

kum-pulan yang lain. Ja-di dalam tahun sembilan belas [19] tahun [71] tak silap sayalah dalam ingatan saya, saya \_\_\_\_\_. Masa tu belum ada tapak lagi di - - daerah Batu Pahat [Johor, Malaysia] orang belum kenal kuda kepang di Sungai Nibong [Batu Pahat, Johor]. Banyak rintangan banyak halangan orang cakap dalam bidang kuda kepang.

**NHN: Seingat Encik [Naim Bin Marjani] tahun brapekah Encik [Naim Bin Marjani] mula membuat persembahan?**

NBM: Sejak saya mu-la persembahan tu sambil ditubuhkan tahun 2009 pastulah, sejak itulah a-de satu majlis perkahwin-an kampung-kampung jela takde sampai ke bandar takde luar kawasan belum lagi mampu. Belum ada yang manggil. Pasal dulu banyak persaingan masatu. Pastu cendawan tumbuhan lebat di Batu Pahat [Johor, Malaysia]. Contohnya banyak kuda kepang.

**DAA: Masa Encik Naim [Naim Bin Marjani] melakukan persembahan kuda kepang ni kebiasaanya d-i apa apa-kah (berfikir) merai apa orang kata majlis-majlis yang Encik Naim [Naim Bin Marjani] yang akan melakukan persembahan tersebut?**

NBM: Majlis tu bergantung ke-pada penaja yang mengundang, majlis kahwin majlis kahwin lah, majlis kesyukuran - - majlis perkahwinan, banyak macam banyak majlis kita boleh buat-kan. Hanya satu [1] majlis tak dibolehkan.

**DAA: Haa, majlis apa tu?**

NBM: Majlis orang mati (ketawa kecil), orang meninggal (ketawa kecil) orang meninggal tak bolehlah nanti hara hura hara nanti dibuatnya. Lain-lain majlis semua boleh.

**DAA: Biasanyakan persembahan tu yang dilakukan dekat majlis tu mengambil masa brape lama tu?**

NBM: Kalau masa tu lebih kurang masa empat [4] jam lah. Dari pukul 8:30 sampailah stakat pukul 12:00. [sic,3 jam setengah]

**DAA: Empat [4] jam?**

NBM: Empat [4] jam.

**DAA:** Okey, seterusnya Husna [Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin] soalan ape tu?

**NHN:** Seterusnya soalam khusus. Sa-ya ingin bertanyakan soalan tentang perasaan Encik [Naim Bin Marjani] melibat dalam melibatkan diri di dalam kuda kepang ini?Apakah perasaan Encik [Naim Bin Marjani]?

**NBM:** Perasaan ape tadi?

**NHN:** Perasaan Encik [Naim Bin Marjani] melibatkan diri dalam bidang kuda kepang ini?

**NBM:** Hah? Perasaan ye? Perasaan kita bergantung kepa-da masyarakat seluruh Malaysia kan. Kalau masyarakat pandang serong kita dicemuhlah. Sekarang ni masyarakat masih menyokong, membantu lagi kuda kepang itulah. Dan saya di \_ \_ \_ \_ . Niat hati nak \_ \_ (bunyi telefon) kuda kepang ni \_ \_ \_ \_ tujuan yang lain. Ja-di macam susah hatilah \_ \_ (tiada bunyi)

**DAA:** Okey seterusnya, apekah faktor yang faktor lain yang menaikkan semangat Encik Naim [Naim Bin Marjani] untuk menceburi bidang kuda kepang ni?



NBM: Faktor yang lain tu yang sejak dia ada masa-tu belum ada masuk dalam bidang pergaulan antara kumpulan-kumpulan lain, belum ada pihak- pihak Jabatan Kebudayaan belum bantu program, majlis kebudayaan daerah. Setiap-setiap daerah ada majlis kebudayaan. Ja-di saya salah- - satu kuda kepang sebagai ahli dalam majlis daerah masa-tulah saya berazam untuk menaikkan semangat untuk mengatasi kelemahan dalam kumpulan tu.

**DAA: Okey, seterusnya berkenaan den-gan siapa yang mem ape macam mana ya Encik Naim [Naim Bin Marjani] nak cakap ni. Husna, soalan apa seterusnya tu Husna [Nor Husna Nadiyah Binti Che Hasin]?**

**NHN: Okey, Bagaimanakah Encik [Naim Bin Marjani] boleh mendapatkan inspirasi untuk melibatkan diri dalam pembuatan kuda kepang ni?**

NBM: Pembuatan - - tu baru. Lain cerita la. Pasal tu ada sejarah itu sendiri (ketawa kecil)  
\_\_\_ kuda kepang itu ada sejarah itu sendiri \_\_\_ (masalah teknikal)

**DAA: Kiranya Encik Naim [ Naim Bin Marjani] dulu memegang *title* [gelaran] sebagai penggiat dan pembuat kuda kepang ke ataupun macam mana?**

NBM: Mula-mulanya pengikut- pengikut daripada - - yang termuda pegi kepada orang yang lebih tua. Kita dulu belum ada daripada perintah dapat bengkel la. Hanya ikut main kuda kepang saje.

**DAA: Okey baiklah. Seterusnya kita nak beralih kepada soalan mengenai kelebihan kuda kepang ni. Menurut pandangan Encik Naim [Naim Bin Marjani] apa kelebihan warisan kuda kepang ni yang orang lain tak tahu?**

NBM: Kelebihan saya rasa kuda kepang ni di negeri Johor [Malaysia] ni banyak kelebihan, kita terpulang pada masing-masing lebih pada masing-masing hebat kan. Saya dulu tak- - hebat sangat pun. Sekarang ni pun saya menjaga tanggungjawab sebagai (bunyi telefon) warisan \_ segala kelemahan-kelemahan sedaya upaya menaik taraf antarabangsa.

**DAA: Okey. NHN: Okey, menurut Encik Naim [Naim Bin Marjani] Adakah seni warisan kuda kepang ni mampu memberi impak yang positif terhadap masyarakat?**

NBM: *Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] (mengangguk) stakat n-i masyarakat dia menerima apa jua masalah apa-tu rancangan-rancangan perangsangan yang di sokonglah daripada segenap masyarakat.

**DAA: O-key dah bila ada kebaikan mesti ada keburukan, betul tak Encik Naim [Naim Bin Marjani]? NBM: Betul. DAA: Ja-di dari sudut pandangan kelemahan, keburukan**

**yang kita dapat tengok melalui warisan seni kuda kepang ni salah satunya mungkin men-jadi dah tak sinonim dah sekarang. Apa pandangan Encik Naim [Naim Bin Marjani] tentang warisan kuda kepang yang dah tak yang orang kata dah ditelan zaman macam tu?**

NBM: Pendapat saya tu bergantung kepada pihak apa tu pihak kuda kepang itulah yang penting punya ideakan , dan kerja kumpulan ni saya sebagai- - berazam untuk cara mana kita nak meningkatkan tarian kumpulan tu supaya dapat \_\_\_ zaman \_\_. Secara aktiviti dimana \_.

**DAA: Jadi kan Encik Naim [Naim Bin Marjani] untuk mem-pergiatkan melestarikan warisan kuda kepang ni. Apakah langkah atau inisiatif yang dilakukan oleh penggiat-penggiat seni warisan kuda kepang ni?**

NBM: Ape tu tadi?

**DAA: Sebagai langkah atau inisiatif untuk melestarikan warisan kuda kepang ni, apakah penggiat warisan penggiat kuda kepang seperti Encik Naim [Naim Bin Marjani] lakukan untuk memastikan warisan tak- - hilang?**

NBM: Ye - -, itu bergantung kepada sokongan-sokongan daripada lapisan masyarakat , Jabatan-Jabatan stakat ni, pihak jabatan telah mengambil berat untuk bantu dan menyokong segala usaha-usaha yang dijayakan daripada kumpulan-kumpulan nilah.

**DAA: Okey seterusnya Husna kita beralih kepada soalan seterusnya.**

**NHN: Okey seterusnya, kita beralih kepada soalan tentang pembuatan kuda kepang. Seperti yang Encik Naim [Naim Bin Marjani] beritahu, Encik Naim [Naim Bin Marjani] bukan sahaja penggiat tapi Encik Naim [Naim Bin Marjani] juga merupakan seorang pembuat kuda kepang. Okey, boleh Encik Naim [Naim Bin Marjani] ceritakan sedikit tahun bilakah Encik [Naim Bin Marjani] mula membuat kuda kepang?**

NBM: Sa-ya mula buat bengkel kuda kepang pada tahun 2002 tak silap saya laa 2002. Ma-sa tu saya pun ada tak terlintas pun perasaan tu bengkel kuda kepang pembuat kuda kepang tu tak terlintas pun. Pada satu masa satu ketika tu kita (bunyi telefon) ada \_ lawatan dari-pada tak silap saya daripada negeri Selangor [Malaysia] dimana di- - daerah Kuala Langat [Selangor, Malaysia] tak silap saya Kuala Langat [Selangor, Malaysia] tu Banting [Selangor, Malaysia] la. Ja-di salah - - sorang di pegawai di daerah di Banting [Selangor, Malaysia] ni berasal daripada Batu Pahat [Johor, Malaysia]. Ja-di \_ pesanan daripada orang besar di Banting [Selangor, Malaysia] “Sekiranya korang nak tengok persembahan kuda kepang betul-betul kau pegi di Batu Pahat [Johor, Malaysia] di kampung saya.” Ja-di masa tu dia buat satu [1] rombongan tak silap saya satu [1] bas datang buat lawatan ke Batu Pahat [Johor, Malaysia]. Ja-di pegawai daerah tu menjalankan

pegawainya untuk memanggil ‘Sinar Warisan’ [Nama kumpulan kuda kepong Encik Naim Bin Marjani] untuk buat persembahan di Batu Pahat [Johor, Malaysia]. Apabila dah sampai di Batu Pahat [Johor, Malaysia] di buat persembahan mentos [sic, mitos]. Ja-di apabila dah siap persembahan diorang pun dah puas hati yang datang tu, ja-di ada satu majlis kenal suai [sic, suai kenal] daripada pihak-pihak yang datang tu dengan pihak yang di daerah Batu Pahat [Johor, Malaysia] untuk bertemu beramah mesralah. Ja-di salah seorang ketuanya bertanya dengan ahli-ahli [Sinar Warisan] saya ni “Disini sape yang boleh buat kuda kepong?”. Jadi orang saya bawah ni pakat tujukkan sayalah iaitu “Pak [Encik] Naim [Naim Bin Marjani] boleh buat kuda kepong”. Sebetulnya saya tak pandai buat. Belum ada ilmu tu belum ade lagi. \_ (bunyi televisyen) saya ni pemain kuda kepong jadi adalah saingan tu, ja-di jatuh minat untuk membuat satu untuk buat bengkel kuda kepong. *Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah], stakat ni, masa-tu buat *sale* [jualan] sebanyak sepuluh [10] ekor sepuluh [10] keping kuda kepong daripada anyaman buluh. Lebih kurang sepuluh [10] keping kuda makan masa satu [1] tahun baru siap. Tu-lah punca se-jarah ceritanya saya mula-nya buat kuda kepong anyaman di Batu Pahat [Johor, Malaysia].

**DAA: Okey Encik Naim [Naim Bin Marjani], adakah pembuatan kuda kepong ni agak sulit ataupun mudah. Apa pandangan Encik Naim [Naim Bin Marjani]?**

NBM: Memang benda pembuatan semua susah - - belum kita takde peralatan. Semua se-bagai peralatan terhad dengan - - buluh nak cari buluh dengan bahan-bahan buluh macam-macam. Ja-di satu [1] ketika satu [1] masa-tu dikampung [Sungai Nibong, Batu Pahat, Johor] ni ada satu program dipanggillah pengarah kebudayaan negeri-negeri Johor [Malaysia] datang tanya yang sama benda tu. “Di sini sape yang buat kuda kepong?” diorang tunjuk saya jelah. Ja-di pun pegawai

tu jumpa saya “Wak boleh buat kuda?” “Boleh, tapi masih belum cantik lagi , masih kasar lagi, belum ada daya menarik lagi” “takpe teruskan” lepastu pegawai daerah tu masa-tu “teruskan buat saya akan bantu, Jadi apa yang boleh saya bantu?” dia tanya saya. “kalau nak bantu tolong cari bengkel, masatu saya sekarang ni buat bawah pokok saje takde bengkel. Jadi pegawai tu pun setuju untuk buat satu [1] bengkel untuk buat ape t-u anyaman kuda kepang anyaman dari-pada Jabatan Kebudayaan [sic, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Budaya]

**DAA: Okey seterusnya, apakah bahan-bahan yang digunakan dalam pembuatan kuda kepang ni?**

NBM: Bahan-bahan tu diperbuat daripada bahan-bahan rimba. Buluh, rotan semua daripada bahan-bahan rimba. Rotan buat ikat, apa-tu bingkai semua tu menggunakan buluh.

**DAA: Okey Encik Naim [Naim Bin Marjani] saya jugak ada baca nama lain bagi kuda kepang ialah kuda lumping dan lumping tu pun adalah salah satu [1] jenis bahan yang digunakan juga kan?**

NBM: Y-a d-i tanah Jawa kan dipanggil kuda- - lumping takde panggil kuda kepang, yang panggil kuda kepang hanya di daerah di Johor [Malaysia] je. Orang-orang indon [Indonesia] panggil kuda lumping, orang Indon “Malam ini mahu main

kuda lumping” bermakna kuda kepanglah. Benda yang sama benda yang sama cuma nama yang berbeza-beza.

**DAA: Ja-di untuk mencari bahan-bahan sumber rimba itu tadi tu, adakah mudah ataupun sukar untuk ditemui ke macam mana?**

NBM: masa-tu masa bahan-bahan tu masih ada lagi. Sekarang ni semua sudah pupus, diladang-ladang kampung [Sungai Nibong, Semareh, Batu Pahat, Johor, Malaysia] ni pun telah tanam pokok kelapa sawit jadi pokok-pokok buluh dah di musnahkan dah, dah takde dah, susah sikit nak mencari bahan-bahan tu.

**NHN: Okey seterusnya, brape lamakah tempoh masa yang diambil untuk menyiapkan satu [1] kuda kepang?**

NBM: Satu [1] kuda kepang daripada mula-mula buat sam-pai siap dalam seminggulah.

**NHN: Okay.** NBM: Tujuh [7] hari la

**NHN: Brape orangkah yang diperlukan dalam menyiapkan kuda kepang tu?**

NBM: Saya tu masatu memerlukan hanya [3] orang saje. Nak bayar ramai-ramai tak mampu bayar gaji. Tiga [3]orang saje dan sejak ada bengkel ni saya banyak *support* [sokongan] daripada Jabatan-jabatan, Kraftangan, Jabatan Kebudayaan, Warisan, Muzium membantu bawa *support* [sokongan] saya punya bengkel. Kalau di muzium dibawa kita ke seluruh Malaysia buat- - pameran. Bawa pegi Terengganu [Malaysia], Johor Bharu [Malaysia], Kota Tinggi [Johor, Malaysia], Melaka semua dah masuk.

**NHN: Okey, brapekah jumlah yang diperuntukkan untuk membeli kesemua bahan pembuatan kuda keping ni?**

NBM: Pembuatan tu saya dibantu oleh Jabatan Kebudayaan, di bantu da-na lah lima puluh ribu ringgit Malaysia[RM50 000] begitulah.

**DAA: Jadi untuk satu [1] kuda keping brapekah anggaran modal yang diperlukan?**

NBM: Satu kuda keping anggaran modal lebih kurang lapan puluh ringgit Malaysia [RM80] lah upah kerja skali lapan puluh ringgit Malaysia [RM80], modal satu [1] keping kuda.



**DAA: Menerusi hasil kuda kepang Encik Naim [Naim Bin Marjani] ni, adakah Encik Naim [Naim Bin Marjani] menjualnya?**

NBM: Saya menjual ni dibantu oleh daripada promosi daripada promosi-promosi daripada Jabatan banyak yang membeli kuda kepang saya ni daripada tiap-tiap universiti tu ada buat membeli daripada sayalah. Di ke di se-luruh Malaysia.  
DAA: Seluruh Malaysia. NBM: Seluruh Malaysia beli untuk kuda kepang.

**DAA: Okey, penjualan kuda kepang Encik Naim [Naim Bin Marjani] ni adakah a-pa pelanggan boleh membuat tempahan secara *direct* [terus] ataupun melalui *online* [atas talian]?**

NBM: Dia melalui *online* [atas talian] saje sekarang-sekarang ni online la, dulu *direct* [terus] belum ada kemudahan. Sekarang dia ada *online* [atas talian] aje.

**DAA: Kalau cara tradisional dulu, kalau sape-sape nak buat tempahan diorang akan *call* [menelefon] Encik Naim [Naim Bin Marjani] dan datang sendiri ke tempat Encik Naim [Naim Bin Marjani] lah?**

NBM: Datang sendirilah datanglah ke rumah datang ke bengkel. Dari universiti apa datang ke bengkel, universiti mana semua ada daripada Sabah [Malaysia], Sarawak [Malaysia] ada. Dia dah bekalkan dah.

**NHN: Okey, kebiasaanya brapekah jumlah permintaan terhadap menghasilkan kuda keping ni?**

NBM: Dia bergantung **NHN: permintaan.** NBM: permintaan bergantung kepada permintaan, keperluan ni lah, orang lain ni ada sepuluh [10] ekor, ada dua [2] keping, lima belas [15] keping, lima puluh [50] keping, ja-di paling rendah dalam lima [5] keping.

**NHN: Paling banyak brape tu orang tempah dengan Encik Naim [Naim Bin Marjani]?**

NBM: Paling banyak empat puluh [40] keping, banyak. (bunyi telefon)

**DAA: Adakah orang-orang yang mempunyai, (berfikir) orang-orang yang terkenal membeli pernah beli hasil kuda keping Encik Naim [Naim Bin Marjani] ni? (bunyi telefon)**

NBM: \_ dia mela-lui pasal apa kuda kepang, bengkel ni dah keluar melalui abang-abang, melaui orang kampung, \_ dari kampung dia tengok alamat datang rumah daripada Kelantan [Malaysia], daripada Johor [Malaysia] daripada Sabah Sarawak [Malaysia].

**DAA: Adakah artis ke Encik Naim [Naim Bin Marjani], penggiat seni, penggiat muzik ke yang irama asli ke siapa ke yang pernah beli kuda kepang Encik Naim [Naim Bin Marjani] ni?**

NBM: Pak ngah [Suhaimi Mohd Zain], arwah pak ngah [Suhaimi Mohd Zain] sudah beli pernah beli waktu muda dulu

**DAA: Arwah pak ngah [Suhaimi Mohd Zain] yang mana satu? Ohh ya , yang- - komposer muzik tu ke?**

NBM: Komposer - - lagu.

**DAA: Oh, dia beli brape banyak brape kuantiti dengan Encik Naim [Naim Bin Marjani]?**

NBM: Ya?

**DAA: Brape- - banyak kuda kepang yang dia tempah tu brape unit?**

NBM: Lapan puluh [80] unit. Saya hantar je pegi kat- - pejabat dia dalam Kuala Lumpur [Malaysia].

**DAA: Seterusnya Husna [Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin], soalan seterusnya?**

**NHN: Penghasilan kuda kepang ni memerlukan sepenuhnya tenaga manusia atau memerlukan peral per-alatan tertentu?**

NBM: Saya banyak seratus peratus [100%] guna tenaga manusia, peralatan tu ada, peralatan tu tak digunakan. Tak sesuai dengan peralatan yang dihantar tak sesuai kerana tak berjaya buat pun. Guna manual la.

**DAA: Maksud Encik Naim [Naim Bin Marjani] takde langsung la guna mesin-mesin ke nak mengetam kayu apa rotan ke bagi lembut?**

NBM: Dulu mesin takde, sekarang dah bekalkan.

**DAA: Seterusnya Husna [Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin], soalan?**

**NHN: Bra-pe jeniskah kuda keping yang Encik Naim [Naim Bin Marjani] hasilkan?**

NBM: Saya banyak jenis. Je-nis- - jantan, jenis tine [betina], ada besar ada kecik buat, cenderahati pun ada buat, yang buat *keychain* [rantai kunci] pun ada.

**DAA: Maksudnya kalau betul-betul, kuda keping ni hanya ada dua jenislah mengikut jantina dia jelah. Kuda keping jantan kuda keping betina?**

NBM: Jantan betina.

**DAA: Okey, jadi apa beza kuda kepang jantan dan kuda kepang betina ni Encik Naim [Naim Bin Marjani]?**

NBM: Yang jantan ni ekor-nya memanjang, kalau yang betina dia jenis ekor membulat saje. (memandang ke kiri bercakap dengan cucunya) “berat-berat” (mengangguk) beza sikitlah. Bezakan biasanya“ ni kuda apa jantan ke betina ?” tengok bon ekor dia kalau memanjang ke belakang jantan.

**DAA: Dari bentuk bon bentuk belakang dialah yang membezakan dia?**

NBM: Haa.

**DAA: Seterusnya, berkenaan dengan tarian kuda kepang ni Encik Naim [Naim Bin Marjani].Untuk tarian kuda kepang ni brape orang yang diperlukan untuk melakukan persembahan kuda kepang?**

NBM: (berfikir) a-pe keperluan kuda kepang ni, persembahan tarian saya punya kumpulan hanya sembilan [9] sahaje, orang lain pun lima [5] la kalau boleh buat

majlis tarian selalu pun masih sendiri masih belum menarik lagi lah. Orang lain lima [5] penari tak sampai lah ke sembilan [9].

**DAA: Maksudnya Encik Naim [Naim Bin Marjani] kuan-titi penari itu sendiri kena ikut gelanggang jugaklah ? Kalau gelanggang kecil pakai orangnya sikit, kalau besar pakai orang ramai?**

NBM: Ya, bergantung kepada gelangganglah, gelanggangnya kecil kurang dikurangkanlah penarinya, lima [5] lah sekurang-kurangnya cantik, kalau gelanggang besar sembilan [9] ke sepuluh [10]dah boleh, kalau ramai sangat tak seronok tengok tak sedap, tak cantiklah.

**DAA: Okey jadi Encik Naim [Naim Bin Marjani] untuk melakukan tarian kuda kepang ni, apakah langkah dia punya *step* [langkah] untuk nak buat tarian tu?**

NBM: (bunyi telefon) susun atur - - apa tu sebagai penari sebagai ketua penari ada, bergantung pada jurulatih-jurulatih dialah. Mengikut alunan-alunan muzik dia, kalau alunan muzik rancak, rancak lah tarian dia tu. Kalau tarian kalau alat muzik dia *slow* [perlahan], *slow* [perlahan] lah tarian dia.

**DAA: Encik Naim [Naim Bin Marjani] untuk tarian kuda kepang ni, setiap orang akan memainkan peranan dan watak mereka sendiri. Apakah jenis-jenis watak dalam tarian tu, sebagai tok pawang ke atau apa orang kata ketua je ke?**

NBM: Ki-ta kumpulan ni dia bagi-bagi watak, dia bagi-bagi tugas. Kalau bahagian pawang, pawanglah. Tugas-tugas menjaga gelanggang menjaga gelangganglah. Kalau bahagian juru solek juru soleklah. Penari, jurulatih pun ade tugas (bunyi telefon) dia. Sebagai muzik semua ada masing-masing tugas.

**DAA: Dari segi alunan muzik tu, apakah contoh kegunaan alat muzik yang digunakan untuk (berfikir) tarian kuda kepang ni?**

NBM: Alat muziknya dibuat daripada hasil-hasil rimba jugaklah, macam buluh, batang kayu untuk buat gendang, buluh buat angklung dan jedur tak gunakan alat-alat logam. Semua barang-barang rimba. Bahan rimbalah dibuat daripada tu.

**DAA: Okey, Encik Naim [Naim Bin Marjani] dari segi permulaan tarian ini bermula adakah syarat ataupun amalan ritual yang dilakukan?**



NBM: Itu bergantung kepada kite buat persembahan, kalau persembahan biasa tempat pengantin takde buat apa-apa syarat-syarat takde. Kalau bahagian a-pa tu mitos, ada lah sikit, adalah sikit perbezaan dari- - tarian yang biasa.

DAA: Okey Husna [Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin] soalan seterusnya?

NHN: Okey soalan seterusnya mengenai bengkel dan persatuan yang dimiliki oleh Encik Naim [Naim Bin Marjani]. Bilakah Encik [Naim Bin Marjani] mula bercadang untuk menubuhkan persatuan seni warisan kuda kepang ?

NBM: Dah bercadang apa, saya betul-betulnya bengkel dah tutup dah takde bahan-bahan dah (bunyi telefon) takde. Belum ada cadangan lagi nak buat bengkel. Saya \_ \_ \_ (bunyi telefon) \_ \_ . Takde yang berminat \_ \_ \_ \_ \_ orang tak sabar tak boleh buat benda ni.

DAA: Okey, bagaimana mula terdetusnya (berfikir) terdetus niat Encik Naim [Naim Bin Marjani] nak bukak bengkel warisan kuda kepang ni? (bunyi telefon)

NBM: Daripada yang datang sikit tu, daripada Selangor [Malaysia] tadi tu. Itulah puncanya saya terdetus jadi buat membuat bengkel kuda kepang. Pembuatan \_

pembuatan. Dibantu oleh Jabatan-Jabatan Kebudayaan, Jabatan Kraftangan [Kraftangan Malaysia] bantu, Jabatan Warisan pun bantu, banyak jenis *support* [soongan] daripada - - *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] lah masih a-da membantu penggiat-penggiat seni, Jabatan Kebudayaan bantu, perbadanan pun membantu dan banyak kali ja Jabatan Kraftangan membawa saya pegi buat promosi di - - Kuala Lumpur [Malaysia], Terengganu [Malaysia], Negeri Sembilan [Malaysia] \_ untuk buat promosi. **DAA:Okay Husna soalan seterusnya.** NBM: \_\_ kuda kepang dia jadi \_ . DAA: Okay (mengangguk)

**NHN: Okey, a-pakah nama bengkel dan persatuan Encik Naim [Naim Bin Marjani]?**

NBM: Nama bengkel nama sama dengan nama kumpulan saje nama ‘Sinar Warisan’

**NHN: Bagaimana tercetusnya nama ‘Sinar Warisan’ tu?**

NBM: Tercetusnya ‘Sinar Warisan’ ni saya ada cerita sejarah sikit lah. Pasalnya ni kumpulan kuda kepang Sungai Nibong [Semerah, Batu Pahat, Johor] \_ \_ \_ masih (bunyi telefon) masih terang malam terang malam takde sinar. Ja-di satu [1] masa-tu ada Jabatan Kebudayaan dah buat satu karnival tarian kuda kepang seluruh negeri di Batu Pahat [Johor,Malaysia] di bandar Batu Pahat [Johor, Malaysia] tak silap saya pada tahun 1980-an. Ja-di salah sorang daripada salah satu [1] kumpulan Pak [Encik] Naim [Naim Bin Marjani] ni dipanggil sama-sama menyertai \_ tarian kuda kepang ni di Batu Pahat [Johor,Malaysia] seluruh

Batu Pahat [Johor, Malaysia] masa-tu ada sebelas [11] kumpulan berentaplah. Apabila sedang buat persembahan dalam masa jangka satu [1] bulan kumpulan kuda keping Sungai Nibong [batu Pahat, Johor] ni terpilih untuk sama-sama menyertai karnival antarabangsa \_\_ . Ja-di orang-orang, pegawai majlis kebudayaan hadir dan mewakili \_\_\_\_ karnival antarabangsa di Batu Pahat [Johor, Malaysia] tak silap tahun lapan puluh [1980]. \_\_\_\_ . Ja-di saya pun dilantik sebagai mewakili daerah, saya pun sangat terkejutlah \_\_\_\_ tak buat persiapan \_\_ belum wujud lagi \_\_ . Ja-di saya pun panggilah (bunyi telefon) ahli-ahli bincang kumpulan \_\_\_\_ *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] *time* [masa] tu lengkap berpakaian. Ja-di masa-tu yang dibawak saya ketua kampung bawak semua membawak pegi (bunyi telefon) sama-sama menyertai dalam kumpulan, jadi dia bertanggungjawab. Ja-di dalam sedikit masa-tu \_\_\_\_ rakan-rakan \_\_ tiga [3] meter panjang, kita ni giliran yang ke sebelas [11] \_\_\_\_ Ja-di oleh kerana pengalaman tu ada takde pengalaman pun \_\_ masih \_\_ ja-di saya pun bincang dengan budak-budak takde pengalaman berlatih sekadar berjalan \_\_\_\_ di astaka \_\_ hotel tak silap saya \_\_ ja-di dia punya pengacara pihak TV3 allahyarham \_\_\_\_ . Dia *host* [pengacara] tarian kumpulan Batu Pahat, [Johor, Malaysia] kampung Sungai Nibong [Johor, Malaysia], masa-tu ‘Sinar Warisan’ belum ade. Ja-di buat lah buat di-situlah sejarah-sejarah \_\_ lebih kurang dengan rakan-rakan jarak-jarak buatlah *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] semua susun-susun atur susunan. Ja-di besok malam besok pagi tu dipanggil ada satu pertandingan tarian kuda keping seluruh Johor, dan tak silap salah satu daripada kumpulan daerah Batu Pahat yang mana saya tengok dia punya dekat hotel bukan dekat hotel dekat asrama bola sepak dekat Johor Bharu [Malaysia]. Ja-di apabila dah sam-pai dekat dewan tu untuk pertandingan saya punya ketua penari takde dah lari dulu dia takut, ja-di yang tolong-tolong \_\_ saya \_\_ ketua kampung dia baca doa \_\_ “tak payahlah bertanding” jadi ketua kampung saya pun naik berang, tepuk saya belakang \_\_ hati dia “sekarang lawan jangan tak lawan”. Kita pun “ okaylah kita lawan-lawanlah” tapi *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] stakat ada empat [4] kumpulan lawan \_\_ apabila buat satu persembahan para juri telah mengatakan kumpulan ni - ada

kelemahan ada kelebihan \_\_ berkumpul, ja-di muncul lah kumpulan daerah Batu Pahat [Johor, Malaysia] kuda kepang terbaik jadi dapat jo-han. Itu-lah saje puncanya kuda kepang ditukor nama 'Sinar warisan' jadi menyinarlah terus menerus sampai sekarang ni menyinar *alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] lah. Pastulah baru dapat \_\_ di Kuala Lumpur [Malaysia] bawa di \_\_ apa tu di Malaysia di Kuala Lumpur [Malaysia] 'Citra warna' haa 'Citra Warna' banyak kali bawak. Itu-lah sejarahnya tukar nama 'Sinar Warisan' nama kuda kepang Sungai Nibong dah takde dah tukor.

**DAA: Okey Encik Naim [Naim Bin Marjani] kita beralih kepada soalan seterusnya, brapekah orang ahli yang menyertai persatuan 'Sinar Warisan' ini dan bilakah persatuan Encik Naim [Naim Bin Marjani] ni ditubuhkan?**

NBM: Ah-li saya gunakan hanya ahli yang aktif saje dalam dua puluh [20] orang tulah, dua puluh [20] orang saje yang aktif lah kita ambik yang kita bawa telah bersedia dua puluh [20] orang sajelah.

**DAA: Ja-di, persatuan Encik Naim [Naim Bin Marjani] ni dah- - bertapak brape lama tu?**

NBM: (bunyi telefon) sekarang ni, stakat ni dah menjangka dah enam puluh dua [62] tahun dah. Satu hari pun tak-de, kata orang tak berhenti lah berjalan terus, daripada mula tahun lima puluh sembilan [1959] sampai tahun dua ribu dua puluh satu [2021] takde satu hari pun takde- -, berjalan terus, lain-lain kumpulan

semua dah pupus pun dah takde dah tak wujud lagi pun. Dah tinggal satulah Batu Pahat [Johor, Malaysia] dekat daerah Batu Pahat [Johor, Malaysia] ni tinggal 'Sinar Warisan' je masih ade.

**DAA: Seterusnya Husna [Nor Husna Nadiyah Binti Che Hasin]?**

**NHN: Siapakah golongan yang menyertai dalam persatuan tersebut? Adakah ianya terdiri daripada golongan remaja, (berfikir) orng-orang tua atau kanak-kanak?**

NBM: Ia kita skarang ni kita ambik daripada umur kanak-kanak umur lapan [8] tahun sam-pai ke yang ke tujuh puluhan - [70-an]. Orang yang otai-otailah daripada lapan [8] tahun sampailah ke tujuh puluh [70] tahun. Ade yang empat puluh - [40] tahun, ade yang lima puluh [50] tahun, tiga puluh [30] tahun pun ade.

**NHN: (berfikir) dalam kalangan ahli keluarga Encik Naim [Naim Bin Marjani] sendiri ada ke yang melibatkan diri atau menyertai persatuan Encik Naim [Naim Bin Marjani]?**

NBM: Keluar-ga pak [Encik] Naim [Naim Bin Marjani] ni buat masa skarang ni cucu sayalah yang menyertai, ja-di dia ni saya lantik sbagi urus setia lah ni, sbagai

cucu saya ni. *Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] ada pewarislah skarang ni, saya dah takde masalah lah. Kalau dulu saya buat kerja sendiri.

**DAA: Jadi \_.** **NHN: Maksudnya lepas ni cucu Encik Naim [Naim Bin Marjani] lah yang akan meneruskan warisan Encik Naim [Naim Bin Marjani]?**

NBM: *Insya-Allah* [dengan izin Allah], sa-ya masih mampu lagi dan sepatutnya saya pun dah kira bersaralah walaupun dah menjangka lapan puluhan [80-an] ni tak larat nak- - apa men mendokong kumpulan yang dipertanggungjawabkan tu. Tapi belum ada yang sanggup nak- - mengganti. Saya tawarkan kepada ahli-ahli pun tak sanggup angkat tangan, mereka tak- - berani nak bertanggungjawab. Tanggungjawab ni berat.

**DAA: Okey baiklah, (berfikir) dari segi pengendalian adakah En-cik Naim [Naim Bin Marjani] mengendalikan seca-ra sendiri ataupun mempunyai bantuan daripada orang lain untuk Encik Naim [Naim Bin Marjani] punya persatuan ni?**

NBM: Skarang persatuan-persatuan ini saya tak-de kita bagikan tugas kepada ahli-ahli kitalah. Saya sebagai pengarah je, pengarah stakat mengarahkan je tak kerja bagi kat budak-budak je, pegawai-pegawai kita saya punya pegawai pengurusan muzik, tarian, (berfikir) pakaian, semua masing-masing dah ada tugas masing-masinglah.

**DAA: Dimanakah terletaknya bengkel dan persatuan Encik Naim [Naim Bin Marjani] ni? Berdekatan ke tak dengan rumah Encik Naim [Naim Bin Marjani] ataupun di tempat lain?**

**NBM:** Skarang ni ahli terbuka luas, sampai tempat lain pun ada masuk, kadang di kadang-kadang di kampung [Sungai Nibong, Semerah, Batu Pahat, Johor] sendiri pun susah nak cari orang, ambik orang-orang luarlah.

**DAA: Seterusnya Husna [Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin] ?**

**NHN: Bilakah waktu dan hari (berfikir) bengkel Encik Naim [Naim Bin Marjani] beroperasi? Adakah setiap hari atau ada hari tertentu?**

**NBM:** Setakat ni dah- - tak beroperasi sebenarnya, sekarang orang cari pun saya bahan pu-nya bekalan ada lagi, \_ saya orang-orang bengkel ni dah \_ dah tak larat nak buat.

**NHN: be-brape- - kali kekerapan perjumpaan Encik Naim [Naim Bin Marjani] bersama ahli persatuan dijalankan?**

NBM: Ape tu? Berjumpa?

**NHN: Maksudnya perjumpaan biasanya Encik Naim [Naim Bin Marjani] buat perjumpaan dengan ahli-ahli persatuan brape kali?**

NBM: Tengok keadaan la, kalau kadang-kadang a-de persembahan tu banyak ki-ta tiap-tiap bulan ade buat perjumpaanlah, untuk ape menayakan perkembangan sekarang macam mana, banyak ju-ga ahli-ahli yang tak tanya “takde persembahan ke?” jadi kita pun rasa (bunyi telefon) rindu- - jugalah bila dah biasa buat persembahan ni, bila dah lama dua [2] tiga [3] bulan dia akan tanya, ja-di setakat ni belum adalah . *Insya-Allah* [dengan izin Allah] lah dah tujuh bulan nanti ada lagi. Petunjukkan anak didik jelah.

**DAA: Okey seterusnya, pernah tak persatuan Encik Naim [Naim Bin Marjani] menerima sebarang jemputan daripada mana-mana majlis untuk melakukan (berfikir) apa orang kata tu *exhibit* [pameran] apa orang kata tu Husna [Nor Husna Nadiyah Binti Che Hasin]?**



**NHN: persembahan?**

**DAA: bukan persembahan, ma-cam pameran haa pameran kuda kepang ni?**

**NBM:** Pameran tu se-lalu zaman \_\_, sambil pameran kat kraftangan, Kuala Lumpur [Malaysia], Johor Bharu [Malaysia]. Semua dah \_\_ \_\_ \_\_ tujuan promosi pada kebangsaan pihak jabatan \_\_ \_\_ \_\_ \_\_. Ja-di kalau kita buat promosi kebangsaan satu minggu tu dapat la dua ribu ringgit Malaysia [RM2 000] promosi, penjualan tu lain.

**DAA: Nampaknya kita dipenghujung temubual Encik [Naim Bin Marjani] saya pun nak— menyatakan ayat penutup saya ye. Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang seni warisan kuda kepang bersama Encik Naim Bin Marjani. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian & kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang warisan seni kuda kepang para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

**TRANSKRIP TEMUBUAL  
BERSAMA TOKOH  
(SESI KEDUA)**

**DAA: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakutuh & Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni warisan kuda kepang di Malaysia. Bersama kami ialah Encik Mohd Naim Bin Marjani yang merupakan seorang penggiat Seni Warisan Kuda Kepang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 9 Jun 2021 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 10.01 pm bertempat di aplikasi Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Diana Ain Arissa Azizan dan juga Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.**

**DAA : Okay, baiklah Encik Naim [Naim Bin Marjani]. NBM: Sebelum DAA : Ini adalah sambungan untuk temu ramah yang pertama tadi NBM : Jap ea, sebelum \_ \_ \_ .**

**DAA : Ini adalah sambungan untuk temu ramah yang sebelum ini.**

**NBM : Sambungan?**

**DAA : Sambungan. Okay, sebelum ini kita berhenti dekat persatuan pertanyaan mengenai persatuan dan bengkel Encik Naim [Naim Bin Marjani]. Okay, jadi sebelum ini Encik Naim [Naim Bin Marjani] pernah menyatakan NBM : Ya, ya**

Sungai Nibong [Batu Pahat, Johor, Malaysia] yang mana segala daya usaha, *Al-hamdulillah* [segala puji bagi Allah] semua segala-- impian dah terlaksana untuk menjadi johan kuda kepang pun berjaya menjadi pada tahun sembilan belas -- tahun 2008, saya telah di-sarankan oleh didatangi oleh pegawai kebudayaan dari kraf seni di Johor [Malaysia] untuk datang untuk ucap terima kasih pada sebagai tokoh -- waris kuda kepang saya masa tu menolak. Saya rasa masa tu saya belum layak lagi jadi tokoh ja-di \_\_ dengan daya usaha pihak pegawai kebudayaan telah merayu saya menerimalah segala tawaran-tawaran sebagai tokoh kuda kepang. Masa tu saya pun bingung juga lah nak menerima orang kata tak ada pengalaman jadi setelah dirayu pada dua orang pegawai kebudayaan, saya setuju. Dalam masa sebulan saya tak boleh tidur untuk macam mana saya sebagai tokoh untuk berjumpa dengan masyarakat dan ahli-ahli pegawai pada jabatan-jabatan dan *Al-hamdulillah* [segala puji bagi Allah] lah segala arah tuju-an tu saya telah bersetuju untuk menjadi dijadikan tokoh dan saya telah dipanggil untuk sebagai tokoh sebagai \_ membuat kalimat pada seluruh masyarakat di -- luar di sebuah *hotel* [tempat penginapan] di bandar Batu Pahat [Johor, Malaysia] dan -- di-terajui oleh Jabatan Kebudayaan Negeri Johor [Malaysia] dan masa itu ramai lah yang datang daripada seluruh negeri Johor satu daerah lebih kurang sepuluh [10] orang. Jadi bila ada sembilan [9] daerah lebih kurang lebih lah \_ dekat dua ratus [200] orang yang menyaksikan saya dilantik dimartabatkan sebagai 'Tokoh Warisan'. Seingat saya, tahun 2009, saya dilantik sebagai tokoh yang mana digemparkan pada sa-ya sebabkan pengharaman kuda kepang negeri Johor [Malaysia] pada tahun tak silap saya 2010. Saya masa tokoh tu masa zaman usia dua tahun jadi saya semua terkejut macam mana benda ni dah diharamkan tak ada buat persembahan, tak ada orang main, pegang kuda pun tak boleh jadi saya sebagai tanggungjawab sebagai tokoh sebagai fat-wa dah mengharamkan jadi jabatan-jabatan kebudayaan tadi tak ada yang *support* [menyokong]. Jadi macam mana kita ni benda ni dah diharamkan jadi Wak Naim [Naim bin Marjani] jadi berat juga la nak menerima. Jadi satu masa satu ketika tu, pihak Majlis Kebudayaan Negeri Johor [Malaysia] telah bermesyuarat agung ribuan agung dan terakhir telah dinyatakan lah bahawasanya di Segamat [Johor, Malaysia] dan saya sebagai salah seorang dari perwakilan untuk

menyertai mesyuarat agung pada waktu tu saya hanya di-cadangkankan oleh pihak Majlis Perbandaran Daerah [Malaysia] untuk pergi ganti saudara Azli tak dapat hadir jadi saya pergi lah dengan tiga [3] orang dari perwakilan tu dalam mesyuarat agung masa tu dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Rais Yatim [sic, Tan Sri Dato' Seri Utama Rais bin Yatim] [Bekas Menteri Besar Negeri Sembilan] Jadi, sebagai tetamu mempengerusikan majlis mesyuarat jadi semua segala apa jua isu-isu di seluruh negeri Johor [Malaysia] akan ditimbulkan lah. Jadi saya sebagai kononnya lah sebagai tokoh bertanggungjawab macam mana memperjuangkan benda-benda ni. Saya ra -- yang kebetulan di wakil daripada Batu Pahat [Johor, Malaysia] duduk depan sekali di kerusi depan semua ahli-ahli seluruh \_ pegawai daerah negeri Johor [Malaysia] semua ada. Jadi apabila dah selesai segala mesyuarat, habis isu daerah Batu Pahat [Johor, Malaysia] ditimbulkan, saya teringat benda ni dah diharamkan. Jadi, saya pun bangunlah saya sebagai perwakilan wakil daripada Majlis Daerah-daerah [Malaysia] Batu Pahat [Johor, Malaysia] ada satu usul – isu la macam mana sa-ya sebagai penggiat seni yang agak malang lah daerah Batu Pahat [Johor, Malaysia] selain yang belakang-belakang tu semua harapan cerah dan saya sangat malang jadi semua pegawai daerah terkejut, “apa pulak yang malang?”. Saya pun cakap lah yang mana “saya telah bergiat seni kuda kepang sudah lebih lima puluh [50] tahun dan banyak sumbangan-sumbangan daripada jabatan-jabatan kan jadi sedangkan logo di negeri Johor [Malaysia] ni rupanya kuda kepang. Kalau diharamkan apa nak jadi? Saya harap pada datuk-datuk depan ni dapat selesaikan. Kalau dah diharamkan macam mana anak cuci kita nak main apa? Tak kenal kuda kepang.”. Jadi, semua terdiam tak ada jawapan masa tu. Pada besok harinya, saya telah ada pameran di Segamat [Johor, Malaysia] ataupun program ‘Merealisasikan Seni Warisan’ khazanah warisan di daerah di Segamat [Johor, Malaysia] yang mana dihadiri oleh artis-artis daripada artis veteran daripada Kuala Lumpur [Malaysia], Singapura salah seorang daripada \_\_ \_\_ zarin semua ada. Jadi masa tu ada satu program, jadi saya sebagai pengiat seni kuda kepang membuat pameran -- kuda kepang didedahkan kepada semua yang ada pada tu lah yang datang di -- padang bola kalau tak silap saya di daerah Batu Anam di Segamat [Johor, Malaysia]. Jadi lepas

tu ada salah daripada Exco Warisan Negeri Johor [Malaysia] telah berjumpa Wak Naim [Naim bin Marjani] “Wak Naim [Naim bin Marjani] jangan takut, diteruskan, jangan berhenti. Saya jamin ini benda ni akan dibawa ke da-lam mesyuarat dalam dewan”. Dia kata “teruskan jalan terus jangan henti-henti”. Jadi tunggu masa tu lah seterusnya minggu lepas [sic, minggu akan datang] terus bangun semua segala perbualan di meja semua bangun aktif balik lah jadi sebelumnya tu apabila nak ke majlis perkahwinan, biasa di Johor [Malaysia] ni ada banyak majlis perkahwinan malamnya ada persembahan kuda kepang. Jadi apa dah sebelum di haritu dibahagikan jadi apabila satu kumpulan kuda kepang dipantau oleh pegawai jau -- [sic, pegawai agama]. Jadi apabila kumpulan kuda kepang dihalau balik, “balik! balik! benda ni haram kalau dimain”. Jadi sekarang dah ok dah senyap. Saya ra-sa pihak pejabat fatwa tak ada masalah kalau ada masalah pun kalau ada masalah sendiri tanggung lah. Jadi, pihak polis pun tak ada kuasa nak nangkap. Jadi setakat tu, daripada itulah akhirnya kumpulan kuda kepang di negeri Johor [Malaysia] di seluruh Johor [Malaysia] dibangkitkan semula. Sebelum ni memang dia tak dibolehkan – tu saja sejarah-sejarah dia. Kita sebagai pejuang, kita ada cabaran kita ada sumbangan, itu ialah satu cabaran dia lah. Pada saya, sekarang *Al-hamdulillah* [segala puji bagi Allah] dah jalan terus \_ \_ tu saja sejarah-sejarah kuda kepang.

**DAA: Okay, baiklah Encik Naim. [Naim bin Marjani] Jadi, kita berbalik balik pada soalan yang saya bertanya tadi, Kan Encik Naim pernah mendakwa**

NBM : Ya

**DAA: Bahawa bengkel Encik Naim [Naim bin Marjani] tidak lagi beroperasi, jadi apakah faktor yang men-yebabkan Encik Naim [Naim bin Marjani] tutup bengkel itu?**

NBM : Masa tu lah daripada jalan cerita daripada salah satu dari-pada orang takut fatwa diharam (tergelak) saya terpaksa mengharapn kuda kepang dapat di-mainkan. Masa tu tau nama kuda mabuk \_ \_ \_ \_ \_ seolah-olah kita buat dosa besar lah seolah-olahnnya. Saya tahu \_ saya sebagai bahagian agama saya ni masih jahil lagi, bijak lagi la pandai lagi saya akui saya masih jahil lagi dalam ugama-ugama.

**DAA: Okay, jadi berkenaan dengan fatwa mengatakan kuda kepang ini diharamkan untuk dimainkan, jadi apa-kah amalan dan orang kata ritual yang menyebabkan persembahan kuda kepang itu dikatakan haram Encik Naim [Naim bin Marjani]?**

NBM : Ye la, tu memang benda tu orang kata memang dah semulajadi kuda kepang tu ada *mysterious* [misteri] *myste-ritual* [misteri] (ketawa) memang semulajadi. Jadi kalau benda tu tak dibawa penonton dah lama tutup tak ada orang minat permainan kuda kepang tarian begitu saja tak minat tak ada dia punya mistik-mistik dia tak minat. Satu masa ada persembahan di ada lima belas kumpulan di dekat -- Jalan \_\_ majlis karnival, jadi ada satu kumpulan kuda kepang takada yang mabuk jadi orang pun penonton marah “ni kuda bohong, tak ada mabuk!”. Ni yang tengok seronok-seronok ni yang – mistik la. Tu lah salah satunya me-mang benda-benda ni memang luar biasa daripada apa-apa yang lain lah. Jadi kalau dari mistik memang benda tu dah lama tak ada dah pupus.

**DAA: Jadi maksud Encik Naim [Naim bin Marjani] kuda kepang ni perlu ada unsur-unsur mistik lah untuk menarik minat orang untuk tengok persembahan tu ya?**

NBM: Ya ya. Antara kemuncak nya tu penutup majlis.

**DAA: Penutup majlis.**

**DAA: Okay baik, Husna, soalan seterusnya.**

**NHN: Seterusnya, soalan berkaitan dengan peralatan muzik ataupun alatan muzik dan pakaian untuk para penari kuda kepang. Bolehkah Encik Naim [Naim bin Marjani] senaraikan peralatan yang digunakan dalam tarian kuda kepang?**

NBM: Peralatan kuda kepang nombor satu peralatan kuda lah. Kuda kepang kuda nya ada sembilan [9] kira nya kumpulan ada sembilan [9] keping kuda sembilan ekor lah. Ok, alat-alat mu-zik kelengkapan muzik kelengkapan pakai semua *complete* [lengkap] lah. Ada khas ada jugak pakai untuk buat persembahan-persembahan.



**DAA: Baiklah, jadi untuk alat muzik** NBM: Dia dibezakanlah **DAA: Maksudnya?** NBM: Alat muzik.

**DAA: Alat muzik yang 'gong' tu ke apa ke? Jenis dia tu Encik Naim [Naim bin Marjani].**

NBM: Alat muzik nya yang utama 'gendang'

**DAA: Okay, baik.**

NBM: Yang penting, utama jedor atau orang kampung-kampung panggil rebana, angklung ada lima [5] jenis, teme-temeti ada dengan macam-macam lagi lah. Kan dari segi pakaian, boleh kite nak bezakan antara pakaian penari dengan pemuzik kan dia punya tok pawang tu nak bezakan.

**DAA: Encik Naim [Naim bin Marjani] kami kurang faham peralatan temeti itu. Apa yang dimaksudkan dengan temeti?**

NBM : Teme-ti ni dia sejenis jenis tali dia -- (menoleh ke kiri) pecut lepas tu dia kata Jawanya pecut. Dia tali untuk libas. Tali \_ -- dia bunyik macam mercun lah. Isyarat. Itu penting juga tu.

**DAA: Boleh juga dikenali sebagai pecut lah. NBM: \_ \_ \_ \_ untuk**

NBM: Jawa -- bahasa Jawa pecut. Bahasa -- Melayu nya cemeti.

**DAA: Cemeti . NHN: Cemeti.**

**DAA: Cemeti, okey baik.**

NBM: Ya.

**DAA: Seterusnya Husna [Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin], soalan berkenaan apa ye?**

NBM: Dibuat dari sedikit benang.

**NHN: Okay, seterusnya soalan mengenai pak -- ada pakaian khusus ke untuk para penari?  
Contohnya pena -- penari lelaki pakai apa, penari perempuan pakai pakaian apa?**

NBM: Kita di di-ada dua [2] penari pompuan dengan pakaian pompuan lah. \_ \_ \_ \_ \_  
(gangguan bunyi notifikasi komputer) kuda kepang ni macam pakai pakaian --  
macam panglima lah. \_ \_ \_ dia ada tersendiri la tersendiri perempuan ada pakai  
tudung, jantan ada tanjak nya pakai tanjak. Tu dibezakan lah antare lelaki dan  
perempuan. Dia ada lah dia hiasan-hiasan pakaian tu ade.

**DAA: Ok, baik-lah Encik Naim [Naim bin Marjani] dari segi apa orang kate penglibatan  
penari tersebut. Adakah banyak penari yang dalam golongan lelaki ataupun wanita  
dalam tarian kuda kepang ini?**

NBM: Pena-ri kebanyakan lelaki. Penari perempuan ni lebih kurang dalam enam [6]  
orang je lah diikutkan. Yang \_ lagi lebih-lebih semua lelaki. Untuk  
mencantikkan tu penari pompuan tu la untuk daya penarik penonton.

**DAA: Ok, seterusnya Husna [Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin]. Soalan seterusnya.**

**NHN: Ok, soalan seterusnya soalan berkaitan tentang pengiktirafan dan pencapaian Encik Naim [Naim bin Marjani] dalam bidang kuda kepang. Ok, pernahkah Encik Naim [Naim bin Marjani] mendapat anugerah dalam dan luar negara sepanjang penglibatan encik [Naim bin Marjani] dalam seni warisan kuda kepang ni?**

**NBM: Anugerah-nya dapat pada ni tiap-tiap negeri ada kan.**

**NHN: (mengangguk)**

**NBM: \_ \_ \_ \_ \_ a-pa dapat tahniah semua ada datang dalam tiap-tiap negeri ade. Dari Johor [Malaysia] sampai ke kat seluruh Malaysia.**

**DAA: Dari segi pengiktirafan daripada luar negara? Pernahkah Encik Naim [Naim bin Marjani] mendapat apa-apa penganugerahan daripada luar negara?**

NBM: Luar negara setakat ni belum ada. \_\_\_ semua tu lepas luar negara Singapura aje. \_  
belum sampai lagi. Kalau Selangor [Malaysia], Terengganu [Malaysia], Kedah  
[Malaysia] semua dah masuk. (menggaru hidung)

**DAA: Jadi, a -- apakah pencapaian yang terbesar yang paling Encik Naim [Naim bin  
Marjani] tak dapat melupakan lah?**

NBM: Penca-wa --pencapaian tu lah sebagai hadiah sebagai 'Tokoh Warisan Hidup' tu la  
paling besar.

**DAA: (ketawa kecil) NHN: (ketawa kecil)**

NBM: Kalau dah mati abeh dah la tu nama dah tak ade. Dah mati dia masa apa dia bagi  
warisan hidup saje. Tapi yang diraikan oleh seluruh pegawai -- kerajaan negeri  
Johor [Malaysia] dan termasuk juga *start* [mula] \_ dia pun-ya pengacara dia punya  
apa pengerusi dia daripa-da Jabatan Kebudayaan Warisan Kuala Lumpur  
[Malaysia].

**DAA: Ok, baik Encik Naim [Naim bin Marjani] di kesempatan ini, kami berdua nak mengucapkan tahniah lah untuk Encik Naim [Naim bin Marjani] atas pengiktirafan yang sebagai 'Tokoh Warisan Hidup' tuh. (senyum)**

NBM: Okey, saya ucapkan sama-sama.

**DAA: Okey Husna [Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin]. Soalan seterusnya?**

**NHN: Okey, soalan seterusnya ber-kaitan keberkesanan kuda kepang kepada pembangunan individu, masyarakat dan negara. Okey, apa apakah sumbangan seni warisan kuda kepang terhadap pembangunan negara, masyarakat ataupun individu?**

NBM : \_ \_ \_ \_ \_ menyertai sama-sama pelihara \_ \_ tu lah sumbangan yang \_ \_ berikan kumpulan persembahan yang bermakna itu lah sumbangan yang -- tak banyak sedikit saja sumbangan -- ter-hadap wa-ri-san yang dipelihara itu lah. \_ \_ \_

**DAA: Okey, baiklah. Ta-di Encik Naim [Naim bin Marjani] ada menyatakan tentang cabaran yang Encik Naim [Naim bin Marjani] terima atau hadapi dalam seni warisan kuda kepang ni.**

NBM: Ya.

**DAA : Ja-di, saya nak bertanya mengenai sekarang kan negara kita ni dilanda dengan musim 'Covid', jadi bagaimanakah dengan keadaan persatuan Encik Naim? [Naim bin Marjani] Adakah masalah 'Covid' ini menjejaskan aktiviti lazim yang sering dilakukan oleh Encik Naim [Naim bin Marjani]? (mengetap bibir)**

NBM : Dia sedikit sebanyak menjejaskan lah sebab dia tak leh – nak aktif sangat tak leh nak diaktifkan lah., Ja-di terpaksa gantung dulu lah \_\_ kuda kene gantung dulu lah sementara tung-gu tunggu dah stabil semua boleh jalan lagi.

**DAA: Okey, seterusnya saya nak Tanya tentang pengalaman Encik Naim [Naim bin Marjani] apakah masalah dan cabaran yang menjadi kebiasaan yang sering dihadapi oleh penggiat dan pembuat kuda kepang ni?**

NBM: Cabaran tu sebenarnya banyak, pada sa-ya la. Banyak orang tak suke. Nomor satu, tok ketua kampung tak minat pasal saya sebagai di kampung ni dia dilantik sebagai Jawatankuasa \_ dan Perlancongan rasanya. Ta-pi oleh kerana ketua kampung saya ni lebih menonjol daripada saya jadi ketua kampung tak brape menonjol sangat tapi cume segala pencapaian tu dia datang -- dengan sendiri \_ la melalui telefon untuk persembahan. Satu sa-tu mase saya dapat sa-tu tawaran daripada pihak RTM [Radio Televisyen Malaysia] nak buat \_ \_ \_ \_ Bahasa Malaysia. Dia anto kat saya pla – bu-dak dari Kolumpo [Kuala Lumpur,

Malaysia] yang mana di datang di tinggal di rumah saya seba-gai pelajar akhir. Belajar bahasa Jawa masyarakat Jawa jadi dia hantor kan budak tu datang ke rumah seolah selama seminggu cara -- mana cara nak ngajor ber – tutur Bahasa Jawa. Jadi saya ajor je lah bahasa Jawa. Lepas tu, saya laporkan kat ketua kampung. Ketua kampung buat dek je tak brape minat sangat. Jadi saya rasa masa tu sebetul nya sebelum tu saya dah diajukan pada ketua kampung yang ma-na saya akan datang waktu nak belajar bahasa Jawa daripada Kolumpo [Kuala Lumpur, Malaysia] rakam buat RTM [Radio Televisyen Malaysia]. Tapi ma-sa saya ada satu mesyuarat jawatankuasa, masa tu saya belum sampai lagi lah dia pun mesyuarat dia kutuk nya blakang -- macam-macam busuk jadi orang dah tak ada RTM dan tak jemput saya, jemput salah sorang daripada jawatankuasanya. Ja-di, saya masa tu belum sampai lagi, bi-le saya sampai kawan saya sebelah dia kata “tadi baru engko tok ketua kutuk engko -- tak dapat kenapa RTM [Radio Televisyen Malaysia] jemput engko, tak jemput dia”. Ja-di, ma-sa tu dalam tu penghulu pelancaran penghulu baru sampai baru bertugas di kampung jadi dengan tu penghulu lah. Saya pun duka cita juga lah. Jadi apabila saya sampai -- tok penghulu tak kenal saya sape. Bile dah sele-sai mesyuarat ada \_ lain-lain hal saya pun bangun lah. Sa-ya seba-gai *hero* [wira] kesenian dan kebudayaan dan pelancongan saya telah dapat menerima pelbagai tawaran syarikat rakaman daripada RTM [Radio Televisyen Malaysia] untuk membuat sa-tu program mengajar Bahasa Jawa. “Macam mana boleh cakap saya dah ada kerja tahu masuk tok ketua kenapa tok ketua bercakap” dia pun diam aje tak mahu bercakap lagi. Tu lah. Ja-di di ngadu tok penghulu boleh tak teruskan. Kalau baik, teruskanlah. Tu lah cabaran-cabaran saya pada di kampung. Perjuangan hebat juge lah, tapi tak dihargai. Maksudnya seorang pejuang. Perjuangan tak de cabaran tak de kemahiran. Mesti ada cabaran. Tu satu cabaran juge lah tu.

**NHN: (mengangguk)**



**DAA: Jadi, penerimaan daripada orang sekeliling tu la menjadi cabaran juga Encik Naim [Naim bin Marjani]?**

NBM: Saya ada lagi satu ketua kampung, dia tak berani siap sangat tak brape minat dengan kumpulan kuda kepang (ketawa) tapi dia ketua kampung tapi saya dilantik sebagai biro. Biro Pelancongan dan Kesenian Warisan. Tapi “kenapa kate tugas saya tak di - dibolehkan?”, saya soal balik lah. Jadi dia tak boleh jawab. Tu lah cabaran-cabaran yang -- dapat saya perolehi daripada masyarakat.

**DAA: Jadi sekarang isu ketua kampung tu macam mana? Dia masih orang yang sama ke macam mana tu Encik Naim [Naim bin Marjani]?**

NBM: Ketua kampung ialah bertukar ganti. *So* [jadi], kerajaan dah gantikan ketua kampung. Ni dah \_ \_ \_ dah dua kali ganti lah ni. Dah mantan-mantan aje lah kat dalam ni. Yang baru ni ok, *Insyah-Allah* [dengan izin Allah] tak ade masalah.

**DAA: Okey, jadi selain daripada masalah ketua kampung tu apa lagi faktor lain yang jadi cabaran?**

NBM: Cabaran tu sebenarnya banyak. Cabaran ini, cabaran itu. \_\_\_ cabaran tu dalam -- rumah saya sendiri lah cabaran tu penting. Masa-tu orang rumah saya tak brape minat dengan saya pegang kuda keping tu tak minat. Dia tak ambik kesah pun. Saya tak tahu apabila persembahan zaman tahun lapan puluh an [80-an] tu \_ \_ rancak-rancak nya \_ persembahan kuda keping. Apa lagi tu, masa-tu tak ada hari. Hari -- Sabtu Ahad kena lalu je boleh buat majlis. Masa tu orang kampung kerja kampung dan cuti tak payah cuti kan. Jadi apabila persembahan orang rumah saya pun naik muka ma-sam je (ketawa).

**DAA: (Senyum)**

**NHN: (Senyum)**

NBM: Dia kata “kau main kuda keping baguih nye mane? Ada, tak nampak pun duitnye”. Saya kata masa fikir-fikir nya saya dapatlah undangan daripada Kolumpo [Kuala Lumpur, Malaysia] menghadiri satu program di -- ‘Citrawarna’. Di sana dia panggil seniman jalanan, saya bawak lah gambar saya dan baru lah dia nampak yang saya punya \_ \_ punya ada – baiknya lah tarian-tarian di \_ kampung. Di situlah, dia terima. Jadi, tak secara lima belas Mei [15.5] masa tu dia tak nak padahal \_ \_ tu dapat dah kalau -- berumah tangga. \_ \_ \_ \_ kan orang ramai tapi \_ \_ \_ \_ . Jadi, masa saya buat persembahan, ma-sa-tu orang kampung \_ \_ selagi saya tak bangun dia marah la saya. Jadi yang ajaibnya dia dapat terima. Tu lah, cabaran saya dalam rumah tangga \_ \_ \_ \_ \_ apa saja pun saya terima la fikir-fikir pun saya cakap lah

“orang tak tahu kan kite sero-nok je tapi kita tak tahu”. Tu lah dapat cabaran. Cabaran alam rumah tangga.

**DAA: Kiranya cabaran kedua Encik Naim ni ialah tidak mendapat sokongan daripada keluarga sendiri ye daripada isteri ye?**

NBM: Wak Naim [Naim bin Marjani] buat tak kesah je, tapi Al-hamdulillah sekarang dah diiktiraf anak-anak cucu-cucu. Harap cucu-cucu mengikuti lah tarian \_.

**DAA: Okey. Cabaran adakah cabaran menge-nai pe-saing maksudnya kan kuda kepang ade ramai orang yang melibatkan diri dan ada lagi tokoh-tokoh lain ke penggiat dia, adakah pesaing itu menjadi cabaran Wak Naim [Naim bin Marjani] berjaya jugak dalam bidang ni?**

NBM: Pesaing apa tak de. Cabaran tu ada. Persaingan tu saya tak kisah, saya lagi suka ada persaingan pasal a-pa kita ade -- tak ade persaingan kita penat orang selalu nak jumpa saya je kat semua tempat.

**DAA: (ketawa)**

**NHN: (ketawa)**

NBM: Ja-di, bagi – biar lain tempat yang dulu. Skarang ni saya kalau ade orang panggil, saya kasi lain kumpulan lah. Saya langsung tak dapat rehat. Betul-betul tak dapat rehat. Orang terpilih masih pilih lagi la kami kumpulan ‘Sinar Warisan’ ni pada masyarakat. Di mana-mana pun. Apabila ade persembahan, “tengok lain kumpulan tak --macam Sinar Warisan” yang cakap tu bukan saya penonton tu. Pasal apa ‘Sinar Warisan’ ni, traian dia punya ganas sepatutnya, tak lembut ganas bila bermain. Apa besok ada satu persembahan saya akan jemput panggil awak datang rumah, \_ saya ada temu janji dengan pelajar juga untuk buat rakaman me - metos melalui video. Dan tu kena bayar (ketawa) dia kata di - dijangka dua puluh lapan [28] bulan lalu lagi, tapi ‘Covid’ ni dibatalkan. Tangguh dulu. *Insyallah* [dengan izin Allah] la ada akan panggil nak datang. Jauh tak jauh. Ja-di yang rakaman daripada pelajar-pelajar juga lah.

**DAA: Okey, baiklah Husna. Soalan seterusnya.**

**NHN: Okey, selain tidak mendapat sokongan daripada isteri Encik Naim [Naim bin Marjani], adakah -- pernahkah Encik Naim [Naim bin Marjani] menghadapi tentangan daripada kedua ibu-bapa Encik Naim [Naim bin Marjani]?**

NBM: Jadi bapa saya dah tak de sebenarnya tu dah meninggal. Tak de masa tu terutama pada orang rumah la masa tu dia tak minat dia tak tahu. Dia tak mendalami dia segala-gala yang perjalanan tu tak mendalami. Dia hanya sangkaan dia suka-suka, tolong-tolong aje masa tu. Pada-hal tu kalau ada masa-masa ada sumbangan juga. Mana ade. Ska – skarang ni saya masa dia hi-dup, saya kumpul ada persembahan bagi dia kerja untuk mencuci baju sa-ja tapi dia ada upah nya lah. Tu lah dia sronok. Dulu tak de, tu dia marah sangat. Seterusnya dia \_ satu duitnya aje.

**DAA: Okey, seterusnya Husna [Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin]?**

**NHN: Okey, seterusnya soalan berkaitan dengan pendapat Encik Naim [Naim bin Marjani], adakah Encik Naim [Naim bin Marjani] rasa seni warisan kuda kepang ini adalah satu seni warisan yang patut dibanggakan oleh masyarakat kite?**

NBM : Sepatutnya la kita bang-ga la ada seni warisan yang hari ni mendapat sokongan dari masyarakat, dar jabatan-jabatan \_\_ di *support* [tanggung] lagi. Saya punya kumpulan dan bengkel banyak yang *support* [tanggung] saje. Ada Jabatan Malaysia [Malaysia], Kraftangan [Malaysia], Jabatan Warisan [Malaysia], Jabatan Muzium [Malaysia] semua dia *support* [tanggung]. Kalau ada apa-apa program semua je diorang sam-pai lah ke Terengganu [Malaysia], sampai ke Kota Tinggi [Johor, Malaysia] sampai Selangor [Malaysia] sampai Kolumpo [Kuala Lumpur, Malaysia] slalu bawak. Tu di bawak kita ke di Kompleks Kraf Kuala Lumpur [Kuala Lumpur, Malaysia] dia bawak saya ke pameran dan pembuatan situ ada dia bagi sagu hati satu hari seratus lima puluh ringgit

Malaysia [RM150] dengan siap *hotel* [tempat penginapan]. Tu lah rezeki yang ada yang dapat kita nikmati daripada jabatan-jabatan. *Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] lah saya bersyukur kepada Allah kerana Allah Subhanahu Wa Ta'ala [SWT] yang mana melimpahkan rezeki yang saya ada ni.

**DAA: Okey, seterusnya NHN: Okey**

**NHN: Okey**

**DAA: Adakah seni warisan kuda kepang ini dapat memberikan impak yang positif kepada masyarakat? Boleh tak Encik Naim [Naim bin Marjani] jelaskan?**

NBM : Ada \_\_ ada kita ada mesyuarat \_\_ \_\_ \_\_ \_\_ panggil daripada ahli sendiri dulu lah yang mana a-da kesusah-an, kematian ada sakit ke ada ape-ape, saya bagi la dia punya apa -- sagu hati untuk di kalau sakit dia di-ubat kan, kalau kematian tu lah ade derma sikit lah sebagai dia punya untuk ahli-ahli sendiri dulu. Masyarakat pun ada juga ada – kalau kebakaran ke apa semua saya ada keluarkan dia punya dana-dana.

**DAA: Okey, seterusnya pada pendapat Encik Naim [Naim bin Marjani], mengapa seni kuda kepong sekarang kurang mendapat perhatian pada masa kini?**

NBM: Ska-rang kuda kepong terlalu ramai terlalu banyak sangat dia pu-nya kumpulan-kumpulan yang wujud di negeri Johor [Malaysia] saya rasa dekat dua ratus [200] kumpulan ada saya rasa lah. Itu tu terpulang pada masing-masing pun-ya kumpulan lah. Yang mem -- memilih kumpulan mana yang cantik, yang hebat tu la kan jadikan \_ . Kita satu-satunya kehebatan tarian adetangge. Kalau skarang ni contoh nye -- macam pertanding-an 'Raja Lawak' ke apa nyanyi ke semua apabila yang tu lah diharapkan muncul di masyarakat --.Tv, hari-hari keluo kan? Begitu juge dengan kuda kepong, dia antara yang terhebat saya tak ngaku yang kumpulan saya hebat sangat tak -- ngaku tak mengakui lah sebab nanti orang kata syok sendiri.

**DAA: (ketawa)**

**DAA: Okey, baiklah. Seterus-nya kita nak bertanya tentang – Okey, dalam arus permodenan pada masa kini kan Encik Naim [Naim bin Marjani], a-pa pandangan Encik Naim [Naim bin Marjani] mengenai faktor pengaruh budaya barat yang menyebabkan generasi kini kurang minat terhadap seni warisan?**

NBM: I-tu bergantung kepa-da zaman sekarang ni la. Minat masing-masing kan. Kalau yang ada -- minat kuda masih menebal lagi. Pada zaman sekarang masih menebal lagi dia punya semangat dia. Cuma yang bergantung pada budaya-budaya barat

tu terpulang pada masing-masing punya *habit* [tabiat] lah. Cara masing-masing lah.

**DAA: Seterusnya Husna [Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin].**

NBM: Tapi kalau \_

**DAA: Eh, ada lagi. Okey. Tapi apa tadi Encik Naim [Naim bin Marjani]?**

NBM: Alah, lupe hilang (senyum)

**NHN: (ketawa)**

**DAA: Alamak! (ketawa besar) Okey cik – Okey, Husna [Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin] boleh sambung. (ketawa)**



**NHN: Okey, apa pandangan Encik Naim [Naim bin Marjani] mengenai kelestarian warisan kuda kepang yang berhubung kait dengan pembangunan negara?**

NBM: Pembangunan negara? Apa tadi soalan nya? (mengerutkan muka) Boleh ulang balik?

**NHN: Apakah pandangan encik [Naim bin Marjani] mengenai kelestarian warisan kuda kepang yang berhubung kait dengan pembangunan negara?**

NBM: Pembangunan negara? Tu kira tarian tu kire membangun juga lah. (ketawa) Yang ada mam -- sebagai kemampuan tu sebagai tarian-tarian tu lah untuk membangunkan negara. Dia sumbangan kepada negara bukan apa kadang-kadang kita selalu \_ \_ \_ \_ tu membawa pada membawa kumpulan ni dibawa melaku pesembahan seperti misalnya seperti itu hari peringkat \_ negeri Johor [Malaysia] telah membawa untuk bersama menyertai untuk meraikan satu majlis pertandingan *landscape* [lanskap] di Putrajaya di bawah ada kumpulan 'Sinar Warisan' untuk bersama-sama menyerikan keadaan masa pertandingan tu. *Al-hamdulillah* [segala puji bagi Allah] lah sejak ada nya Sinar Warisan ini \_ \_ dipanggil untuk bersama-sama meriahkan sekurang-kurangnya pertandingan tu, *Al-hamdulillah* [segala puji bagi Allah] pertandingan tu di *Landscape* [lanskap] Johor [Malaysia] dapat johan.

**NHN: (mengganguk)**

NBM: Dan saya di bawak lebih kurang dua [2] hari lah bermalam di tidur *hotel* [tempat penginapan] yang mewah la. Kalau tidur *hotel* [tempat penginapan] sendiri, *hotel* [tempat penginapan] yang murah pun tak mampu. Tapi yang paling mewah dibawa daripada – *Landscape* [lanskap] Negeri Johor [Malaysia].

**DAA: Okey, jadi semasa persembahan-persembahan yang Encik Naim [Naim bin Marjani] buat tu, kan Encik Naim [Naim bin Marjani] ada jugak pelancong dari luar negara datang. Jadi mesti diorang rasa teruja kan dengan kelestarian warisan kuda kepang ni sebab dia tengok Malaysia ni ada seni warisan yang u-nik macam tu. Betul tak Encik Naim [Naim bin Marjani]? Apa pendapat Encik Naim [Naim bin Marjani] tu?**

NBM : Yela tu -- kadang-kadang ni orang tak pernah tengok kan dia terkejut daripada orang-orang luar negara memang tak pernah tengok kuda kepang. Biase juga saya buat persembahan di pelancongan negeri di kampung, ada daripada Indonesia datang dia menyertai menonton jadi pelancongan untuk \_\_\_\_\_ jadi tekejutlah ada orang datang tengok.

**DAA: Okey, soalan seterusnya mengenai dengan pada pandangan Encik Naim [Naim bin Marjani] apakah inisiatif insentif yang boleh dilakukan untuk mempromosikan seni warisan kuda ni kepada semua (memusingkan kepala) platform pada semua masyarakat?**

NBM : Saya rasa la ‘Sinar Warisan’ ni dah kerap kali (ketawa) buat promosi di seluruh Malaysia khususnya dan banyak kali juga lah seperti di Kolumpo [Kuala Lumpur, Malaysia], di Terengganu [Malaysia], di – di Kedah [Malaysia] semua dah promosi. Saya sambil tu tak de masalah. Yang mana (masalah mikrofon)

**DAA: O-key, Husna [Nor Husna Nadiyah Binti Che Hasin] soalan seterusnya?**

**NHN: Apakah benar bahawa sesetengah masyarakat berpendapat bahawa kuda kepang ini boleh mengakibatkan seseorang itu tidak sedarkan diri dan bertindak di luar kawalan?**

NBM: Ye la, tu tarian kuda kepang yang luar biasa pada tarian-tarian yang lain lah. Luar biasa. Yang ada yang -- ada yang -- menonton tu yang banyakkann penontonnya tak sedarkan diri tu maksudnya penonton tu ade kumpulan sendiri. Ja-di, dia tengok -- kita punya kumpulan persembahan dia pun nak nengok nak -- buat juga nak ikut juga persembahan mempersembahkan tarian dia kehebatan dia. Tu yang sampai tak sedarkan diri. Ja-di kite kalau boleh pantau lah jikalau kite buat persembahan kalau di sewaktu majlis. Majlis macam per – perakaman, pergambaran memang saya tak benarkan diorang bawak masuk. Kalau majlis perkahwinan tu tak kesah. Dbolehkan lah.

**NHN: (mengangguk)**

**DAA: Okey, baiklah. Seterusnya Husna soalan seterusnya.**

**NHN: Okey, pada pendapat Encik [Naim bin Marjani], apakah pendekatan yang boleh dilakukan untuk mempopularkan seni warisan kuda kepang ini kepada se -- di seluruh dunia ataupun di pelusuk negara?**

NBM : I-ni saya punya wa -- cerita ni sebenarnya dah kluor ke sluruh negara dan ke luar negara pun ada. Pasal a-pa orang dah tahu pada satu masa tu saya pa-da rombongan pa-da daerah Negeri Sembilan [Malaysia] ada dah Negeri Sembilan [Malaysia] memang dah datang lantik guru seratus [100] orang guru-guru sekolah menengah di Seremban [Negeri Sembilan, Malaysia] tak silap saya. Dapat sa-tu rombongan untuk buat \_ persembahan khas datangkan daripada orang kata nama dah hebat ka-ta rupa-rupanya dia tahu kumpulan ni aktif di Malaysia. Dia datang dengan seratus [100] orang guru-guru bawa buat lawatan.

**NHN: Okey, seterusnya. Seperti kita tahu, kebanyakan remaja pada masa kini kurang mengambil tahu tentang seni di negara kite. Okey, pada pandangan Encik [Naim bin Marjani], adakah perlu pendedahan awal diberikan pada kanak-kanak mengenai seni warisan kuda kepang ini?**

NBM : Saya punya kumpulan ni dia pada didik pada kanak-kanak daripada berusia lapan [8] tahun lah sampailah ke tujuh puluh [70] tahun (ketawa kecil). Yang ma-na dikenali di dekat dikenalkan tarian kuda kepang. Jadi, kit -- tak semua lah yang \_ orang-orang kanak-kanak membuat persembahan. Kadang-kadang ada juga pelawat-pelawat semua datang ke majlis orang VIP [Very Important Person] -- kita dedahkan pada kanak-kanak tu sebab sambutan tu dia -- habis.

**DAA: Okey, Encik Naim [Naim bin Marjani] pada pendapat Encik Naim [Naim bin Marjani] la, kenapa perlu nya kita menja-ge dan melestarikan sejarah seni warisan ni? Apa kepentingan dia Encik Naim [Naim bin Marjani]?**

NBM : Kepentingan tu supaya benda tu tak pupus sebab kerap kali pihak jabatan-jabatan mempertahankan pada Pak Naim [Naim bin Marjani] kerana benda ni warisan sedia ada ni khazanah warisan yang ditinggali bapak-bapak kita dulu kita pelihara betul-betul lah jangan sampai pupus. Dia pun sama macam tu jüge lah bawah jabatan-jabatan dia punya benda tu jangan sampai hilang begitu saje. Sa – saya sedaya upaya lah turut mengekalkan warisan \_.

**NHN: (mengangguk)**

**DAA: Okey, seterusnya sebab Encik Naim [Naim bin Marjani] kate jangan biarkan sejarah khazanah negara hilang dari pupus begitu saje. Jadi, apa-kah pendapat Encik Naim [Naim bin Marjani] untuk peranan yang perlu dilakukan oleh pihak ibu-bapa sendiri dalam usaha menerapkan rasa penghargaan terhadap seni warisan dalam diri anak-anak tu?**

NBM : Peranan ibu-bapa tadi betul nya menyokong semua sega-la peranan-peranan anak-anak tu dididik sem-ua setuju dan menyokong lah benda ni kita -- didik tu. Tak de yang kata orang tak de yang betah (ketawa kecil) semua nya setuju lah anak-anak dia. Untung sekarang ni budak-budak kita ade persembahan je ade upah dia. Kalau zaman dulu tak ade, zaman saya dulu kecik-kecik tak ade. Skarang *Al-hamdulillah* [segala puji bagi Allah] rezeki ade zaman dah mewah ni kurang-kurang nya orang bagi da-lam budak-budak \_ saja kurang-kurang pun dalam dua puluh -- ringgit Malaysia [RM20] \_ la untuk dia beri semangat pada budak-budak.

**DAA: Okey, dari sudut peranan kerajaan dan institusi sekolah ke universiti pulak macam mana tu Encik Naim [Naim bin Marjani]? Apa yang Encik Naim [Naim bin Marjani] boleh bagi pandangan tu peranan diorang apa diorang boleh buat?**

NBM : Pandangan ni sebelum nya saya dapat dari pelajar-pelajar ni, saya terima pelajar dari tahun 2003 tak salah, saya dah ada senarai dalam tu dalam a-pa ni diari ni ada tiga ribu lima ratus [3500] orang pelajar datang untuk daripada tahun 2003 sampai sekarang ni tahun 2021 (sambil menunjukkan diari). Tu lah sumbangan-

sumbangan ni yang diberikan oleh pelajar-pelajar seluruh universiti di Malaysia ni. Seramai tiga ribu lima ratus [3500] \_ yang dalam diari ni ade.

**DAA: Okey, dari su-dut kerajaan pulak apa Encik Naim [Naim bin Marjani] nak diorang buat peranan apa tanggungjawab diorang nak melestarikan seni warisan ni?**

NBM : Pihak kerajaan dia beri sumbangan tu lah dana seperti apa keperluan yang ki-te nak kite mohon pada jabatan sedia membantu kerajaan. Jadi dia bagi dana kan, kadang-kadang kita dulu masa kita pegang bengkel dana situ dah satu [1] tahun dapat lima ribu [5000] lah da – dana.

**DAA: Okey Husna [Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin], soalan seterusnya?**

**NHN: Okey, menurut pengalaman Encik Naim [Naim bin Marjani] yang terdahulu, Encik Naim [Naim bin Marjani] pernah mengatakan bahawa Encik Naim [Naim bin Marjani] ti-dak menyertai atau menerima sebarang latihan atau kursus mengenai kuda kepang. Jadi adakah Encik Naim [Naim bin Marjani] rasa perlu untuk institusi pendidikan atau kerajaan menubuhkan latihan ataupun pusat untuk melatih orang-orang untuk belajar kuda kepang ni?**

NBM: Pelajar-pelajar ni sebenarnya saya mula menerima pelajar ni pada 2006. Masa tu saya buat promosi di -- kraftangan di bangunan \_ Kuala Lumpur [Malaysia]. Dan ada dua [2] budak ada dua [2] orang rem -- budak muda yang mana bertanya bergambo bertanya duduk mane kata tu nak ambik pastu “nak ambik datang rumah boleh tak?” nak belajar kuda kepang nak belajar tarian apa buat cara-cara buat kuda kepang. Datanglah *Insyallah* [dengan izin Allah] kite terima, jadi apabila rupanya dah ade apa dia tu dah dia tu diwajibkan untuk mencari ilmu sebagai pembuatan dia dihantarkan daripada Universiti Shah Alam [Malaysia] tak silap saya. Dalam 2006, dia hantarkan dua [2] orang pelajar brape lama dua [2] bulan|di -- rumah saya di selama dua [2] bulan untuk menuntut belajar \_ mencarut. Saya terima sa-ya da-lam \_ lah pada pelajar-pelajar UiTM Shah Alam [Universiti Teknologi Mara, Shah Alam] [Malaysia] datang me --untuk menimba cara-cara membuat kraftangan secara seni halus. Selama dua [2] bulan ada lebih lah dia \_ . Dah tu, tiap-tiap hari kita kene tandatangan lah daripada pelajar tu kerana setiap dua [2] bulan dia pun-ya syarat dia nak datang untuk di yang mana -- tu dia nak betul-betul belajar di bengkel kuda kepang selama dua[2] bulan.

**DAA: (mengangguk)**

**NHN: (mengangguk)**

**DAA: Okey, baiklah. Kita beralih pulak kepa-da soalan yang berkaitan tentang dana yang diberikan terhadap seni warisan kuda kepang ni. Okey, apa -- adakah Encik Naim [Naim bin Marjani] pernah menerima peruntukkan atau dana dari mana-mana**



**pihak kerajaan mahupun daripada badan-badan bukan kerajaan. Encik Naim [Naim bin Marjani] boleh senaraikan lah.**

NBM : Sa-ya satu masa menerima ade pelajar \_\_ yang tiga [3] tak silap saya lah lepas sesi yang ketiga, saya bu-at saya dah tamat pengajian di \_ bengkel tu lepas ajaran tu saya cakap kita buat satu program majlis hari perpisahan saya \_ di cakap sijil apa sekali. Masa tu ada buat program majlis saya panggil YB [Yang Berbahagia], wakil rakyat pada \_ \_ kampung lah. Dia telah memberikan sumbangan (batuk kecil) sebanyak sepuluh ribu ringgit Malaysia [RM10,000] dan saya tak de kenakan tak kena kan yuran ke apa pada pelajar-pelajar datang ke rumah saya, tak ade. Sebab saya makan, orang makan. Tapi *Al-hamdulillah* [segala puji bagi Allah] lah dekat rumah saya pulangan dapat sepuluh ribu ringgit Malaysia [RM10,000] daripada kerajaan dan tu mase buat maj-lis perpisahan.

**DAA: Soalan seterusnya Husna [Nor Husna Nadiyah Binti Che Hasin]?**

**NHN: Okey, selain dari pihak universiti, ada dari pihak lain ke Encik Naim [Naim bin Marjani] menerima dana dari kerajaan ke?**

NBM : Daripada kerajaan pada kerajaan tu dari badan-badan kerajaan lah dari Kebudayaan, Kraftangan, Warisan, Muzium pun ada bagi ni -- peranan juge lah. Muzium -- daerah Johor [Malaysia], Kolumpo [Kuala Lumpur, Malaysia] semua ada masuk. Dia bagi jugak lah.

**DAA: Okey, jadi dana-dana tersebut diperuntukkan untuk penubuhan apa tu Encik Naim [Naim bin Marjani] dari segi me – membeli alatan ke, beng -- penubuhan bengkel ke apa ke Encik Naim [Naim bin Marjani] yang berkaitan tu?**

**NBM :** Dari peta aju-kan kita buat bengkel ni buat penginapan pun kita dapat daripada sepuluh ribu ringgit Malaysia [RM10,000] tu kita buat penginapan pelajar-pelajar kat sana. Penginapan semua dah disediakan dah ada, tak payah sewa-sewa *hotel* [tempat penginapan] saya kata tak -- payah sewa *homestay* [rumah tumpangan] semua dah ada dalam bilik tu lah hasilnya daripada dana-dana yang \_\_ anu pihak peringkat \_.

**DAA: (mengannguk). Okey.**

**NBM:** Penginapan.

**DAA: Haa?**

**DAA: Penginapan. Selain tu, dulu pun Encik Naim [Naim bin Marjani] pernah cakap yang Encik Naim jugak terima dana tu untuk Encik Naim [Naim bin Marjani] putar**

**balik modal (mata memandang keatas kerana sedang berfikir) untuk Encik Naim [Naim bin Marjani] ha -- menghasilkan kuda kepang kan?**

**NBM:** Itu bengkel -- saya sendiri nama 'Sinar Warisan'. 'Sinar Warisan' ni kumpulan di bengkel saya sendiri tapi kaitkan dengan 'Sinar Warisan' cantumkan juga lah nama tu. Ada bagian juga ada bagian.

**DAA:** Okey, baiklah kita sekarang ni Encik Naim [Naim bin Marjani] -- boleh meluahkan apa saja yang terbuku dalam hati Encik Naim [Naim bin Marjani] tu (ketawa sambal membetulkan tudung) sebab ini ialah soalan mengenai hara-pan. Harapan apa tau?

**NHN:** (senyum)

**DAA:** Apakah harapan yang ingin dizahirkan oleh Encik Naim [Naim bin Marjani] dalam kegiatan dan pembuatan seni warisan kuda kepang ni. Encik Naim [Naim bin Marjani] boleh cerita panjang yang ni.

**NHN:** (senyum)

**DAA: (senyum)**

NBM: Harapan ni saya banyak harapan. Kadang-kadang harapan hanya harapan saje.

**NHN: (senyum)**

NBM : Saya pernah didatangi pa-da seorang pegawai korprat ahli korprat lah bawak tawaran akan dia kasi geran se – sebanyak seratus ribu ringgit Malaysia [RM100,00]. Saya tak mohon, saya tak mintak pun dia datang sendiri \_ \_ \_ \_ \_ geran sebanyak seratus ribu ringgit Malaysia [RM100,000]. Jadi, saya pun sukalah saya ada pun \_ (batuk kecil) (masalah mikrofon) jadi kita kuda keping ni hajat pegi KLCC [Kuala Lumpur City Centre, Malaysia] lah. Pergi KLCC [Kuala Lumpur City Centre, Malaysia] kat Kolumpo [Kuala Lumpur, Malaysia] tu kami datang me – menerima bahagian korprat di Kuala Lumpur [Malaysia] \_ \_ \_ \_ \_ dengan kete. Datang dengan protokol dia tak boleh pakai baju -- seluar jean seluar *slack* [slek]. Jadi, saya pun ikutlah arahan protokol dia. Ye lah dapat makan da-pat \_ \_ \_ \_ \_ . Sampai masa nya tunggu punya tunggu -- tak nampak -- pun geran nye kat mane, dana nye kat mane. Jadisa-ya sebagai orang macam lepaskan batuk di tang-ge aje. Tu lah harapan sayayang harapan musnah \_ \_ \_ tak -- nampak pun geran tu. Kalau dia –

**NHN: (ketawa dan senyum)**

**DAA: (ketawa dan senyum)**

NBM: (senyum) Semua tak dapat, bukan saya seorang. De-kat sembilan belas [19] kumpulan semua tak dapat. \_\_\_ dia kate *you- you all* [awak semua] lah \_\_\_  
\_ dalam satu *konsert* [persembahan] tu tiga juta ringgit Malaysia [RM3,000,000] punye projek tu. Bukan sikit. Tu lah harapan saya yang -- ham-  
pa sampai sekarang ni. (senyum) Harapan. Tak Nampak pun. (senyum) Dia  
punya tak Nampak. Kalau kite semua masing-masing kaya, seni warisan kaya  
\_\_\_ tak perlu apa pun, betul tak? Tulah dia punya luahan saya.

**DAA: Luahan terbuku betul nih (ketawa besar)**

**NHN: (ketawa)**

NBM: (ketawa) \_\_\_ sembilan belas [19] kumpulan dia tak dapat peruntukkan. Saya  
punye sendiri satu ribu ringgit Malaysia [RM1,000], saya tak nampak pun  
rupenye. Geran tu tak nampak. Kenapa tak nampak? Sampai sekarang dah lima

[5] tahun berlalu. Apa yang ditagih-tagih diikutkan dia kate dia nak tukor jawatan -- tu lah dia punya luahan saya.

**NHN: (senyum)**

**DAA: (senyum) Okey, itu harapan musnah.**

**NBM: (ketawa kecil) Harapan musnah.**

**DAA: Harapan yang bang-kit tu? (ketawa besar) Hara – harapan yang gembira?**

**NHN: (senyum dan ketawa kecil)**

**NBM: (ketawa besar) Tu nama nye cabaran la tu. Cabaran tak de perjuangan ni mesti ada cabaran.**

**DAA: Betul.**

NBM: Antara perjuangan \_\_ bermakna syok sendiri lah. (ketawa) Tak de cabar. Ini ada satu cerite ni jalan cerite nye lah. Ada di Segamat [Johor, Malaysia] rupenya di Universiti Segamat [Segamat, Johor, Malaysia] a-da masa tu la, ada dua [2] tiga [3] kali pelajar-pelajar datang dengan segala dengan pegawai datang satu bas untuk menengok -- untuk menonton nak nengok kite punya persembahan buat persembahan lah tengok dok teng-ok cara besor tu saya tengok kan saya tengok. Apabile satu masa -- tu, ade satu program pertukaran pelajar-pelajar daripada Segamat [Johor, Malaysia], dengan Sabah [Malaysia] saya hantor beri sampai ke Sabah [Malaysia] pengantara kude kepang. Dia cume nak tengok saya punya persembahan, ja-di budak tu ntah macam mane bla - bla *blackout* [pitam]. Jadi apabile bab-bab *blackout* [pitam] dia punya pegawai dah pening kepale. Sape nak paling pandai kat Batu Pahat [Johor, Malaysia] ni? Tu la tolong baik kalau tak leh dipulihkan. Dia bingung. Saya punya kepada berlakon. Be-lakon untuk buat metos tak de apa-apa syarat tak de pape. *So* [Jadi] dia ngadu sama saya “tolong-tolong \_ ni dia ngenakan aku la pak”. Dia ka-ta buat metos (ketawa), jadi saya pun pelik juga macam mane \_ \_ \_ nampak cara-cara penggunaan metos. Jadi tu same \_ \_ \_ \_ lah. Saya tambah-tambah \_ semua takut macam mana nak – ambil pandai \_ \_ \_ \_ \_ dah jauh. Sebagai sumbangan (ketawa) kepada pelajar-pelajar itu lah. Tak silap saya pegawai tu Naza.

DAA: Naza?

NBM: Nazarudin. (senyum)

**DAA: Okey.**

**NBM:** Cuba *check* [semak] riki-riki [tengok-tengok] nama Naza. Ada lagi nama Naza tu kalau tak silap. Tu hari tlepon saya tu.

**DAA: Okey Encik Naim [Naim bin Marjani], ini betui-betui dah betui-betui penghujung temu ramah kite ni Encik Naim [Naim bin Marjani]. (senyum)**

**NHN: (senyum)**

**DAA: Apakah mesej yang ingin disampaikan dalam perjuangan untuk mempertahankan seni warisan kuda kepang ini supaya tak ditelan zaman dan dipoengaruhi oleh dunia lu-ar? Apa mesej-mesej ni?**

**NBM :** Mesej nye ni sa-ya u-mur dah lanjut, sa-ya cume suruh pengganti belum ada \_ belum ada sanggup nak ganti saya sebenarnya maksud saya benda tu diteruskan lah. Mana yang pengganti saya akan lanjutkan sam-pailah -- bile-bile mase nya. Jangan lah sam-pai hilang begitu saje. Itu saje lah mesej saya. Tentang pa-da ahli mesyuarat, pada masyarakat mana-mana pihak lah.



Daripada pihak U, sudi-sudi lah datang ke kampung kalau ade masalah kalau a-de kalau nak tanya saya, tanya lah terus datang. Kalau dah habis Covid [Covid19], saya ade sediakan tiga [3] bilik kosong untuk sepuluh [10] orang boleh masuk.

**DAA:** Okey, *Insyah-Allah [dengaan izin Allah]*. **NHN:** *Insyah-Allah [dengan izin Allah]*.

**DAA:** Okey, jadi Encik Naim [Naim bin Marjani], okay kite dah habis dah temu ramah kite. Boleh tak kite orang nak Encik Naim [Naim bin Marjani] berkongsi sedikit hasil pembuatan kuda kepang Encik Naim [Naim bin Marjani] tu? Ade contoh tak?

**NBM:** Contohnya. Nanti saya \_ (bangun dari tempat duduk dan mengambil hasil kuda kepang)

**DAA:** Biar semua orang tahu Encik Naim [Naim bin Marjani] punye hasil tu.

**NBM:** Ni ade contoh yang belum siap. Saya belum cantum lagi. (sambil menunjukkan kuda kepang yang belum siap) Ini kuda jantan.

**DAA:** Ini kuda jantan.

**NHN: (mengangguk)**

NBM: Jelas tak?

**NHN: Jelas. (senyum) DAA: Jelas (senyum)**

NBM: Yang besar ade lagi. (bercakap dengan cucu di sebelah) Nak yang besar ade.  
Ni yang kecil.

**NHN: Boleh jugak. (senyum)**

**DAA: Yang besar yang dah siap tu yang ade *colour-colour* [warna-warna] tu. (senyum)**

NBM: (bangun dan pergi mengambil contoh kuda kepang yang sudah siap)

**NHN: Haa, tu. (senyum)**

**DAA: Okey, Encik Naim [Naim bin Marjani] duduk bersama dengan kuda kepang tu eh.  
Ini lah dia orang yang membuat kuda kepang ini (senyum lebar)**

**NBM: (menunjukkan salah satu hasil kuda kepangnya) Ini *plywood* [sejenis kayu]  
Ini papan lapis.**

**DAA: Ini yang warna merah ni kuda kepang jantan ke betine ni?**

**NBM: Ini yang merah (suara cucu sedang bercakap) Betine. Yang ni tine. (sambil  
menunjukkan kuda kepang betina)**

**NHN: (mengangguk)**

**NBM: Ini jantan. (sambil mengambil kuda kepang jantan)**

**DAA: Okey, okey terima kasih Encik Naim [Naim bin Marjani] sebab sudi nak tunjuk. Okey Husna [Nor Husna Nadiah Binti Che Hasin], ada apa-apa lagi tak soalan ape-ape ke sebelum kite tutup penutup kite nih?**

**NHN: Saya rase itu saje dari kami berdua.**

**NHN: Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai bidang seni warisan kuda kepang bersama Encik Naim Bin Marjani. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian & kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang warisan seni kuda kepang para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

**LOG**  
**TEMUBUAL**

## 6.0 LOG TEMUBUAL

### 6.1 Sesi Pertama

LOG	Topik	
0:01:08-00:04:12	Mengenai Latar Belakang Tokoh	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pak Naim merupakan nama panggilan bagi Encik Naim Bin Marjani atau sering kali dipanggil atok oleh penduduk kampung di Sungai Nibong, Semerah, Batu Pahat, Johor.</li><li>• Dilahirkan di kampung Sungai Nibong, Semerah, Batu Pahat, Johor, pada 12 November 1941.</li><li>• Sekarang beliau berusia 80 tahun</li><li>• Merupakan penggiat seni yang hanya melanjutkan pelajaran sehingga sekolah rendah sahaja iaitu sampai darjah enam sahaja di Sekolah Melayu.</li><li>• Beliau merupakan anak Johor, bapa beliau merupakan orang Jawa manakala ibunya merupakan orang Malaysia.</li><li>• Beliau tinggal di Kampung Sungai Nibong, Semerah, Batu Pahat, Johor sehingga kini.</li></ul>
00:04:12- 00:04:59	Mengenai Latar Belakang Keluarga Tokoh	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bapanya bernama Marjani Bin Abdullah</li><li>• Mak beliau bernama Ruminah Binti Haji Zamzam</li><li>• Mempunyai 11 orang adik-beradik dan beliau merupakan anak yang ke-9</li></ul>

00:04:59- 00:05:41	Mengenai Alam Perkahwinan Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mula mendirikan rumahtangga pada 6 Jun 1996</li> <li>• Dikurniakan anak seramai 7 orang dan kesemuanya adalah perempuan.</li> <li>• Mempunyai 24 orang cucu dan 3 cicit</li> </ul>
00:05:41- 00:06:41	Pendidikan Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau bersekolah di Sekolah Melayu Sungai Nibong</li> <li>• Ditubuhkan pada tahun 1928</li> <li>• Merupakan sekolah atap dimana menggunakan nipah sebagai bumbung.</li> </ul>
00:06:41- 00:09:57	Asal Usul Kuda Kepang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai cerita yang tersendiri di Tanah Jawa dimana orang zaman dahulu membawa serius.</li> <li>• Sejarah bermula apabila muncul pendakwah di Tanah Jawa dimana pada masa itu masih berkembang dengan Agama Hindu.</li> <li>• Wali Songo itu bermaksud terdapat sembilan orang wali.</li> <li>• ‘Songo’ merupakan bahasa jawa yang bermaksud sembilan dalam Bahasa Melayu jadilah Wali Sembilan</li> <li>• Ada salah seorang wali yang bernama ‘Sunan Kalijogo/Sunan Kalijaga’, Sunan membawa maksud wali manakala kali itu sungai dan jogo itu jaga.</li> <li>• Jadi wali tersebut mempunyai idea tentang bagaimana cara untuk</li> </ul>

		<p>menghimpunkan orang Jawa untuk mengembangkan agama Islam dengan melakukan tarian kuda kepang</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang-orang Jawa mula keluar untuk menonoton tarian tersebut.</li> <li>• Ada seorang penari tersebut memberitahu supaya jangan bersurai dulu kerana beliau mahu mengajar ajaran Islam dengan mengajar mengucapkan dua kali syahadah.</li> <li>• Begitulah mula berkembangnya agama Islam di tanah Jawa.</li> <li>• Wali Songo menarik minat orang-orang kampung dengan menggunakan tarian kuda kepang.</li> <li>• Mereka juga akan berpindah ke daerah lain dan menggunakan kesenian sebagai salah satu cara untuk mengembangkan Islam.</li> <li>• Selain Kuda kepang, wayang kulit juga merupakan salah satu kesenian yang digunakan untuk menarik minat orang datang untuk mengembangkan ajaran Islam pada abad yang ke-11</li> </ul>
00:09:57- 00:12:00	Asal Usul Kedatangan Kuda Kepang Mempunyai Kaitan Dengan Perjuangan Saidina Ali	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lambang diambil daripada tentera arab zaman perang Bada'.</li> <li>• Ramai-ramai budak-budak di Tanah Jawa dulu mengembala sapi, kambing kerbau secara berkumpulan dan buat tarian dengan mengambil daun kelapa</li> </ul>



		<p>untuk dibuat main sambil menjaga ternakan tersebut.</p>
00:12:00- 00:14:36	<p>Penglibatan Tokoh Dalam Kuda Kepang</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menceburi kuda kepang apabila masyarakat Jawa di daerah Kampung Sungai Nibong, Semerah, Batu Pahat, Johor.</li> <li>• Terdapat satu kumpulan membuat persembahan di majlis perkahwinan siang malam, membuatkan orang kampung tertarik dengan kuda kepang tersebut kerana tidak pernah melihat tarian tersebut.</li> <li>• Terdapat beberapa orang berjumpa dengan beliau untuk mencari tok guru untuk membuat satu kumpulan satu kuda kepang</li> <li>• Berjumpa dengantok guru tersebut apabila terpaksa berjalan selama tiga puluh kilometer dari kampung beliau.</li> <li>• Tidak mudah untuk menuntut ilmu daripada tok guru tersebut kerana tokguru tersebut memeriksa latar belakang mereka dan melihat fizikal mereka dan tokguru tersebut tidak percaya dengan keupayaan mereka.</li> <li>• Pada pertemuan pertama bersama tokguru tersebut memberitahu bahawa tidak mampu lagi untuk menurunkan ilmu dan mereka semua tidak dapat</li> </ul>

00:14:36- 00:15:10	Mula Meminati Kuda Kepang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mula meminati kuda kepang pada tahun 1959, lebih kurang pada usia 18 tahun</li> <li>• Belum mempunyai apa-apa jawatan dan masih dipimpin oleh orang-orang tua.</li> <li>• Hanya sekadar menjadi pengikut-pengikut sahaja pada awalnya</li> </ul>
00:15:10- 00:15:40	Keluarga Kurang Berminat Terhadap Kuda Kepang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bapa beliau tidak kisah mengenai kuda kepang ini dan tidak berminat terhadap kuda kepang</li> <li>• Hanya mengikut kawan-kawan sahaja.</li> </ul>
00:15:40- 00:16:40	Nama Tok Guru Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tok guru bernama Marjidi Bin Haji Abdul Kadir.</li> <li>• Merupakan tok guru yang berasal daripada Jawa.</li> <li>• Tok guru beliau sudah meninggal dunia.</li> </ul>
00:16:40- 00:17:19	Sebab Mengidolakan Tok Guru.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tok guru beliau merupakan seseorang yang peramah, murah hati, lemah lembut, boleh membawa acara.</li> <li>• Boleh membuat persembahan dan boleh tunjukkan kebolehan dia sendiri kepada masyarakat membuatkan Encik Naim berminat dengan tok guru tersebut.</li> </ul>
